

**KEGIATAN DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT  
ISLAM DI MASJID JAMEK ARAU SUDA PULAU  
PINANG**

**S K R I P S I**

**Diajukan Untuk Melengkapi Tugas-Tugas Dan Memenuhi  
Syarat-Syarat Guna Memperoleh Gelar Sarjana Sosial Islam  
Pada Fakultas Dakwah Dan Ilmu Komunikasi.**



**OLEH :**

**MOHD SHUKRI BIN HASAN  
NIM : 10941008998**

**PROGRAM S.1  
JURUSAN PENGEMBANGAN MASYARAKAT ISLAM**

**FAKULTAS DAKWAH DAN ILMU KOMUNIKASI  
UNIVERSITAS ISLAM NEGERI  
SULTAN SYARIF KASIM  
RIAU  
2011**

## **ABSTRAK**

Tujuan Penelitian adalah untuk mengetahui Bagaimanakah Bentuk-Bentuk Kegiatan Dakwah Terhadap Masyarakat Masjid Jamek Arau Suda Pulau Pinang serta Faktor-faktor apa saja yang mempengaruhi Kegiatan Dakwah Terhadap Masyarakat Masjid Jamek Arau Suda,Pulau Pinang

Populasi dalam penilitian ini adalah seluruh pegawai pengurus yang berjumlah 8 orang dan anggota masyarakat yang seramai 2 orang. Populasi dari pegawai pengurus semuanya dijadikan sampel sedangkan anggota masyarakat diambil sebahagian dari jumlah populasi yaitu sebanyak 10 orang.

Data yang diperoleh diklasifikasikan menurut permasalahan secara deskriptif kualitatif yaitu dengan cara menggambarkan tentang peranan dakwah yang dilaksanakan oleh tenaga pendakwah serta pengurus Masjid Jamek Ara Kuda, Bukit Mertajam.

Hasil penelitian ini menunjukkan bahwa setiap institusi masjid yang ada perlu lebih keterbukaan dalam mencari dan menyelesaikan masalah yang hampir memusnahkan agama Islam sendiri. Melainkan umatnya yang bersedia untuk berjuang walauapa cara sekalipun demi Islam khususnya melalui dakwah Islamiah yang kini semakin mundur dan para pendakwah hanya memfokuskan kepada bukan Islam. Bahkan, umat Islam sendiri sudah jauh terpesong dari landasan Al-quran dan As-sunnah. Demikian itu, jadikanlah masjid sebagai saluran dakwah Islamiah yang *fleksible* metodologinya.

## DAFTAR ISI

	Halaman
<b>KATA PENGANTAR.....</b>	i
<b>DAFTAR ISI.....</b>	iii
<b>ABSTRAK .....</b>	iv
<b>BAB I. PENDAHULUAN .....</b>	1
A. Latar Belakang Masalah .....	1
B. Alasan Pemilihan Judul.....	3
C. Penegasan Istilah.....	4
D. Batasan Masalah.....	7
E. Perumusan masalah.....	7
F. Tujuan Penelitian dan Kegunaan Penelitian .....	8
G. Kerangka Teoritis dan Konsep Operasional .....	9
H. Metodologi Penelitian .....	28
I. Sistematika Penulisan .....	30
<b>BAB II. GAMBARAN UMUM LOKASI PENELITIAN .....</b>	31
A. Sejarah Berdirinya Jamek Arau Suda Pulau Pinang.....	31
B. Struktur Organisasi .....	38
<b>BAB III. PENYAJIAN DATA .....</b>	40
A. Metode Dakwah Yang Digunakan Oleh Masjid Kepada Masyarakat 40	
B. Ruang Lingkup Dakwah Yang Dilakukan Oleh Masjid Kepada Masyarakat .....	40
<b>BAB IV. ANALISA DATA.....</b>	51
<b>BAB V. PENUTUP .....</b>	59
A. Kesimpulan .....	59
B. Saran-saran.....	62
<b>DAFTAR PUSTAKA .....</b>	65

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **A . Latar Belakang**

Masyarakat dan institusi masjid adalah berkait rapat bagi sesebuah tempat yang mempunyai penduduk yang ramai khususnya masyarakat Islam untuk menjalankan pelbagai aktiviti-aktiviti bukan hanya aktiviti keagamaan sahaja. Masjid dibina bagi keperluan kemaslahatan masyarakat setempat dan juga diatas dasar tuntutan Allah SWT Namun, masyarakat juga perlu banyak memainkan peranan dalam membangunkan sebuah institusi dakwah Islamiah<sup>1</sup> bagi mendapat manfaat kepada setiap lapisan masyarakat khususnya golongan muda masa kini. Tetapi tidak seharusnya mengenepikan golongan tua yang kurang pengetahuan dalam beberapa aspek keagamaan. Justeru itu masyarakat adalah tunggak utama dalam pembentukan sesebuah institusi masyarakat Islam.

Namun pada zaman Rasulullah masjid adalah segala-galanya, bukan sahaja tempat solat atau beribadat tetapi berperanan sebagai tempat pentadbiran dan meraikan majlis-majlis agama contohnya tempat bermesyuarat bagi umat Islam, majlis walimatul urus dan sebagainya. Masjid juga, berfungsi sebagai pusat atau platform bagi mengembangkan seluruh masyarakat Islam dengan berkumpul dan bertukar-tukar

---

<sup>1</sup> Sulaiman Ibrahim, Othman Talib dan Anuar Puteh.. *Dakwah kepada masyarakat Muslim.* , Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM, Bangi.. Cet.1,2002.

pendapat di antara satu sama lain dalam masa yang sama, untuk mengeratkan silaturahim antara sesama kaum.

Pada zaman globalisasi, kini institusi masjid bukan sahaja tempat untuk ibadat yang khusus semata-mata, seperti solat dan iktikaf. Namun bangunan ini juga, juga dijadikan pusat kebudayaan, muamalat dan perkembangan dakwah Islamiah, serta pusat aktiviti umat Islam, maka secara tidak langsung dapat membentuk masyarakat yang bertaqwa. Justeru itu, penulis rasa terpanggil untuk mengkaji aktiviti-aktiviti yang dijalankan kepada masyarakat kampung sekeliling dan mendalami metodologi dakwah yang digunakan oleh Masjid Jamek Ara Kuda. Disini juga, penulis ingin mengenal pasti peranan yang dilakukan oleh pihak masjid berkesan untuk menarik minat penduduk kampung untuk pergi ke masjid serta mencapai objektif masjid tersebut.

Sejak zaman permulaan Islam lagi kemajuan umat dan gerakan Islam semuanya bermula dari masjid yang dibina oleh Rasulullah SAW. Masjid telah dijadikan sebagai tempat untuk berkumpul, berbincang dan merancang strategi yang tidak terhad kepada bidang dakwah malah perdagangan, perundangan, dan penyebaran ilmu, serta pelbagai lagi .

Selain itu, masjid adalah sebagai pusat ilmu yang mempunyai banyak cabang dengan mengadakan majlis ilmu seperti ceramah agama, aktiviti kemasyarakatan, aktiviti untuk remaja dan kanak-kanak, kursus perkahwinan dan lain-lain lagi. Sewaktu zaman Rasulullah juga, baginda mula-mula mendirikan bangunan adalah masjid iaitu masjid pertama didirikan ialah di Quba dan kemudian Masjid Nabawi Inilah bukti bahawa

masjid mempunyai peranan yang besar kepada masyarakat atau umat Islam<sup>2</sup>. Seperti firman Allah S.W.T :

Artinya : Hanyayang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang orang yang beriman kepada Allah dan Hari kemudian, serta tetap mendirikan shalat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain kepada Allah, maka merekaalah orang-orang yang mendapat petunjuk .( Al- Taubah, 9:18 ).

Justru itu ini adalah satu peluang bagi penulis meneliti segala aktiviti-aktiviti dan cara pengurusan yang dirasakan tidak dapat menarik minat masyarakat kampung serta metode yang digunakan oleh pihak masjid Jamek Arau Suda yang tidak berkesan kepada masyarakat Islam di kampung tersebut. Secara tidak langsung ia akan memberi impak yang besar dalam membentuk sahsiah masyarakat dan kemajuan masjid itu sendiri.

## **B . Alasan Pemilihan Judul**

Penulis merasa tertarik masalah ini desebabkan beberapa alasan:

1. Judul ini erat kaitanya dengan bidang ilmu penulis yang pelajari dibidang pengembangan masyarakat islam.
  2. Untuk mengenalpasti metod yang dijalankan adalah meliputi semua aspek termasuk kemasyarakatan, sosial, keagamaan dan pendidikan.

<sup>2</sup> Ahmad Baie Jaafar, *Peranan Masjid Membangunkan Jiwa dan Meruntuhkan Prasangka. Agama dan Falsafah*. Karangkraf Sdn. Bhd. S.Alam,Selangor, 2002.

<sup>3</sup> R.H.A. Soenarjo, *Al-Quran dan Terjemahan kepada bahasa Indonesia*. Surah Al-Taubah (9)-8. Yayasan Penyelenggra penterjemahan/pentafsir Al-Quran. Jakarta, 1971.

3. Untuk mengkaji latar belakang Masjid Jamek Arau Suda sebagai intitusi penyebaran Dakwah Islamiah kepada masyarakatnya.
4. Untuk menjelaskan perancangan yang dilakukan oleh Masjid Jamek Arau Kuda, bagi mengubah mentaliti masyarakat kampung tersebut serta menarik minat masyarakat untuk ke masjid.

### C. Penegasan Istilah

Untuk menghindari kesalahfahaman dalam penelitian ini maka perlu dijelaskan beberapa istilah :

#### 1. Kegiatan

Kegiatan ialah(*kata nama*) Bersinonim dengan aktiviti: pekerjaan, usaha, pergerakan, hobi, minat, kegemaran .<sup>4</sup>

#### 2. Dakwah

Kata dakwah dari segi bahasa berasal daripada perkataan arab (da'a,yad'u) yang bereerti ajakan, seruan, panggilan dan undangan. Manakala dari segi istilah mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka adalah kegiatan menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.<sup>5</sup>

Menurut pandangan *Dr. Yusuf Qardawi* pula memberi takrif dakwah sebagai usaha membawa orang lain kepada agama Islam, supaya mengikut petunjuk agama ini, melaksanakan segala ketetapannya di muka bum, mengkhususkan segala bentuk

---

<sup>4</sup> <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kegiatan>

<sup>5</sup> Hjh. Noresah Baharom.. *Kamus Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Ed.4. Cet.2. Kuala Lumpur 2007. Hal. 305.

penghambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah sahaja, melepaskan diri daripada segala kongkongan yang bukan daripada Allah ( *taghut* ) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah, menafikan hak ke atas orang yang dinafikan hak oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, dan berjihad pada jalan-Nya.<sup>6</sup>

Di sini dakwah boleh ditakrifkan bahawasanya ia adalah suatu ilmu pengetahuan yang bukan sahaja melalui teori malah praktikal yang berbagai-bagai dengan tujuan utama untuk menyampaikan ajaran Islam yang di dalamnya meliputi setiap aspek-aspek aqidah, akhlak dan syariah. Maka, dakwah ini merupakan satu usaha atau perjuangan suci untuk mengubah sesuatu keadaan yang belum Islam kepada mempunyai nilai-nilai Islam serta dakwah juga boleh diertikan sebagai tabligh bagi menyinarkan syariat Islam kepada masyarakat Islam yang alpa dan lalai dengan dunia semata-mata kepada hak-hak yang digariskan oleh Islam.

### **3. Masyarakat**

Masyarakat ialah kumpulan manusia yg hidup bersama (di sesuatu tempat dgn aturan dan cara tertentu), pergaulan hidup.<sup>7</sup> Banyak para ahil telah memberikan pengertian tentang masyarakat. Smith, Stanley dan Shores mendefinisikan masyarakat sebagai suatu kelompok individu-individu yang terorganisasi serta berfikir tentang diri mereka sendiri sebagai suatu kelompok yang berbeda.

Dari pengertian tersebut di atas ada dua hal yang perlu diperhatikan yaitu bahwa masyarakat itu kelompok yang terorganisasi dan masyarakat itu suatu kelompok yang

---

<sup>6</sup> Dr. Yusuf al-Qardawi. 1978. *Thaqafah al-Da'iyyah*. Beirut. Hlm 5.

<sup>7</sup> <http://melayuonline.com/dictionary/?a=a1RUWC9tL3AvUXZ5bEpwRnNx=&l=masyarat>.

berpikir tentang dirinya sendiri yang berbeda dengan kelompok yang lain. Oleh karena itu orang yang berjalan bersama-sama atau duduk bersama-sama yang tidak terorganisasi bukanlah masyarakat. Kelompok yang tidak berpikir tentang kelompoknya sebagai suatu kelompok bukanlah masyarakat. Oleh karena itu kelompok burung yang terbang bersama dan semut yang berbaris rapi bukanlah masyarakat dalam arti yang sebenarnya sebab mereka berkelompok hanya berdasarkan naluri saja.<sup>8</sup>

#### **4. Masjid**

Masjid dari sudut bahasa di dalam bahasa Arab ialah nama bagi tempat bersujud. Dari sudut syara‘ pula ialah di mana-mana tempat permukaan bumi, ini berdasarkan sabda Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* yang berbunyi:

*Artinya: “Dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid (tempat bersujud)”*

(Hadis riwayat Al-Bukhari)<sup>9</sup>

Perkataan ini diertikan oleh Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai bangunan khas tempat ummat islam melakukan solat dan ibadah-ibadah lain dalam islam.<sup>10</sup>

#### **D. Batasan Masalah**

Untuk memfokuskan penelitian ini penulis hanya membatasi pada Kegiatan Dakwah Terhadap Masyarakat Di Masjid Jamek Ara Kuda,Bukit Mertajam,Pulau Pinang. Aktiviti-aktiviti yang diadakan di masjid ini merangkumi aktiviti keagamaan sehinggalah aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh pihak masjid atau program yang diadakan dengan hasil kerjasama dari berbagai pihak.

---

<sup>8</sup> [http://pakguruonline.pendidikan.net/buku\\_tua\\_pakguru\\_dasar\\_kpdd\\_15.html](http://pakguruonline.pendidikan.net/buku_tua_pakguru_dasar_kpdd_15.html).

<sup>9</sup> [http://www.brunet.bn.gov/mufti/irsyad/pelita/2002/ic24\\_2002.htm](http://www.brunet.bn.gov/mufti/irsyad/pelita/2002/ic24_2002.htm).

<sup>10</sup> Kamus dewan bahasa dan pustaka, edisi ke3, halaman 864.

Aktiviti-aktiviti tersebut adalah bagi manangani gejala sosial yang sering berlaku didalam masyarakat seperti gejala keruntuhan akhlak, institusi kekeluargaan, kejiranan, keremajaan dan lain-lain lagi masalah sosial didalam masyarakat kita pada hari ini.

## **E. Perumusan Masalah**

Bertitik tolak dari latar belakang masalah diatas, maka dapat ditentukan bahawa yang menjadi perumusan masalah dalam perbahasan skripsi ini adalah seperti berikut :

1. Bagaimakah Bentuk-Bentuk Kegiatan Dakwah Terhadap Masyarakat Masjid Jamek Arau Suda,Pulau Pinang.
2. Faktor-faktor apa saja yang mempengaruhi Kegiatan Dakwah Terhadap Masyarakat Masjid Jamek Arau Suda,Pulau Pinang.

## **F. Tujuan dan Kegunaan Penelitian**

### **1. Tujuan Penelitian**

Adapun yang menjadi tujuan penelitian yang hendak dicapai dalam penelitian ini adalah :

- a. Ingin mengetahui kegiatan dakwah terhadap masyarakat yang dijalankan oleh Masjid Arau Suda ,Pulau Pinang.
- b. Ingin mengetahui faktor yang mempengaruhi kegiatan dakwah dan metode yg dilakukan di Masjid Arau Suda ,Pulau Pinang.

## **2. Kegunaan Penelitian**

Apabila tujuan-tujuan tersebut tercapai dengan baik,maka sebagai kegunaaan dari penelitian ini adalah :

- a. Untuk mengenalpasti metod yang dijalankan adalah meliputi semua aspek termasuk kemasyarakatan, sosial, keagamaan dan pendidikan.
- b. Untuk menjelaskan perancangan yang dilakukan oleh Masjid Jamek Arau Suda, bagi mengubah mentaliti masyarakat kampung tersebut serta menarik minat masyarakat untuk ke masjid.
- c. Sebagai melengkapi salah satu syarat dalam meraih gelar sarjana sosial pada fakultas dakwah dan ilmu komunikasi,jurusran pengembangan masyarakat islam, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- d. Untuk menambah dan mengembangkan wawasan penulis dalam membuat dan menyusun karya ilmiah yang baik dan benar.

## **G. Kerangka Teoritas dan Konsep Operasional**

### **1. Kerangka Teoritas**

#### **a. Dakwah**

Dakwah dari segi bahasa berasal daripada perkataan arab yang bereerti ajakan, seruan, panggilan dan undangan. Manakala dari segi istilah mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka adalah kegiatan menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.<sup>11</sup>

---

<sup>11</sup> Hjh. Noresah Baharom.. *Kamus Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Ed.4. Cet.2. Kuala Lumpur 2007. Hal. 305.

Dakwah secara perinsipnya bermatlamat mengajak manusia mengabdikan diri kepada Allah s.w.t sesuai dengan penyataan al-Quran yang menegaskan bahawa antara tugas dan tanggungjawab manusia ialah berbakti kepada Allah dan seruannya sebagaimana dinyatakan dalam surat al-zariat, ayat 56 :

ଶରୀରକୁ ନିର୍ମାଣ କରିବାକୁ ପାଇଁ ଏହାରେ ଯାଇଲେ କିମ୍ବା ଏହାରେ ଯାଇଲେ କିମ୍ବା

Artinya : *Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdi kepada ku.*

Seruan dan ajakan manusia ke jalan Allah (agama Islam) ini pula perlu mengambil kaedah atau pendekatan tertentu supaya ia tidak menjadi fitnah kepada agama dan secara tidak langsung dapat memastikan pelaksanaan dakwah tersebut berkembang dan tersebar luas dengan efektif. Malaysia yang mempunyai masyarakat yang pelbagai berlatarbelakang etnik dan agama. Justeru itu, teras pendekatan dakwah yang digariskan al-Quran dan as-Sunnah perlu diakomodasikan dengan keadaan dan latarbelakang masyarakat atau mad'u yang berbagai lapisan tersebut.

Tugas dakwah kepada manusia adalah wajib seperti yang diperintahkan oleh Allah s.w.t kepada setiap khalifah yang berada di muka bumi ini. Tanggungjawab ini bukan terletak pada badan-badan dakwah tertentu sahaja, tetapi seluruh masyarakat terlibat dalam menyampaikan dakwah terutamanya umat Islam itu sendiri untuk menyampaikan seruan atau perintah Allah s.w.t ini.

Dakwah juga merupakan sesuatu cara untuk megalihkan sahsiah masyarakat sekarang yang jauh dari ajaran dan tuntutan agama Islam. Ia bukan saja akan memupuk

kembali akidah umat Islam, namun memantapkan lagi akhlak yang lebih berimejkan keislaman. Maka, seluruh umat Islam perlu berperanan sebagai seorang da'ei secara langsung ataupun tidak langsung untuk menyebarkan risalah Islam.

### **b. Kepentingan Dakwah**

Beberapa sebab penting mengapa dakwah diperlukan:

#### 1. Masyarakat yang sakit

Senario masyarakat kini yang mengalami pelbagai penyakit sosial menuntut usaha dakwah dilaksanakan. Seperti yang diketahui unsure-unsur jahiliah contohnya bid'ah, khurafat, pepecahan, berpuak-puak dan penyelewengan pemikiran semakin menebal dalam masyarakat Islam kini.

Jahiliah tidak hanya menjurus kepada masyarakat Arab sebelum kebangkitan nabi Muhammad s.a.w. Malah jahiliah boleh berlaku bila-bila masa dan tidak kepada sesebuah zaman sahaja asalkan sifatnya sama dengan sifat jahiliah pada zaman nabi Muhammad s.a.w.


Punca permasalahan ini ialah kerana umat Islam kejauhan dari agama mereka. Justeru, gerakan dakwah perlu dilakukan untuk menghapuskan penyakit-penyakit ini.<sup>12</sup>

#### 2. Pertarungan Yang Tidak Berkesudahan Antara Hak Dan Batil Manusia Terbahagi Kepada Dua Golongan. Ada Golongan Yang Mendapat Petunjuk Dan Yang Mendapat Kesesatan.

---

<sup>12</sup> Panel Usrah KUIS. 2007. *Siri Usrah Semester 4*. Cet ketiga. Jabatan Pembangunan Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Bangi. Hlm. 22.

Firman Allah Ta'ala:



Artinya: *Dan Sesungguhnya Kami telah mengutus Dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada Yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula Yang berhak ditimpah kesesatan. oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah Bagaimana buruknya kesudahan umat-umat Yang mendustakan Rasul-rasulNya.*

Setiap golongan berusaha mengembang dan mempertahankan fahaman dan pendirian masing-masing. Dari sini bermulalah konflik di antara dua pihak yang tidak berhenti-henti. Oleh itu, dakwah diperlukan di setiap masa dan ketika untuk menarik manusia seramai yang mungkin ke jalan Allah dan mandapat keredhaanNya bukan sahaja orang bukan Islam namun termasuk umat Islam yang jauh dari landasan Islam itu sendiri.

### 3. Amanah Allah

Agama merupakan suatu amanah Allah yang mesti dipikul oleh setiap individu. Untuk menyedarkan manusia agar memikul tugas ini, maka usaha dakwah perlu digiatkan. Pengabaian menjalankan dakwah merupakan suatu pengkhianatan yang mengundang kemurkaan Allah s.w.t sebagaimana yang pernah menimpa Bani Israel, Firman allah ta'ala dalam Surah al-Maidah ( 5 ): 78



*Artinya: Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Israil telah dilaknat (di Dalam Kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa Ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh.*

Berdasarkan kepentingan dan keperluan masyarakat, setiap individu muslim perlu menyedari tanggungjawab masing-masing untuk menjalankan dakwah, seterusnya mencapai matlamat-matlamat berikut:

- a) Membawa orang yang belum Islam kepada Islam, dan menyelamatkan mereka daripada terus berada di dalam kegelapan kufur kepada cahaya iman.
- b) Mempertingkatkan mutu kefahaman dan penghayatan Islam bagi orang Islam untuk melahirkan kekuatan kepada mereka dalam pelbagai aspek, merangkumi ilmu, ekonomi, politik, ketenteraan, sains dan teknologi.
- c) Membentuk sebuah masyarakat dan mewujudkan sebuah negara yang direhdai.
- d) Mencapai kebahagiaan dan keredhaan Allah di dunia dan akhirat.

Dakwah Islamiah pada umumnya adalah berbentuk syiar, penerangan, penyebaran maklumat tentang nilai-nilai Islam kepada seluruh umat manusia. Ini dapat dilakukan dengan pelbagai cara dan pendekatan, dengan tujuan dan matlamat agar manusia melaksanakan tanggungjawab yang diperintahkan oleh Allah dan RasulNya bagi menjauhi larangannya.

Ini penting bagi memastikan dakwah dapat disampaikan kepada masyarakat era globalisasi kini, dengan lebih meluas dan umum. *Pertama*: Dakwah Islamiah yang berkesan, pengaruh dalam kehidupan, memberi arah atau kesedaran dorongan-dorongan ke arah positif. *Kedua*: Kegiatan Dakwah Islamiah di pengaruhi oleh perubahan-perubahan semasa yang berlaku dalam masyarakat. Ini bererti maju mundurnya Dakwah Islamiah ditentukan oleh maju mundurnya masyarakat.<sup>13</sup>

#### 4. Metode Dakwah

Dari segi bahasa, metode bererti cara melakukan sesuatu atau sistem. Dari segi istilah, sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan.<sup>14</sup> Manakala metodologi dakwah pula ialah cara atau pendekatan dakwah untuk membolehkan sasaran menerima sesuatu dakwah dengan kefahaman yang jelas dan kesedaran yang penuh tanpa rasa paksaan atau tekanan.

Metode adalah satu perkara yang penting kerana ia merupakan cara bagaimana pengajaran yang disampaikan dapat mempengaruhi sasaran untuk menerimanya. Sesuatu pengajaran walaupun baik, sudah tentu dapat diterima oleh sasaran jika cara penyampaiannya tidak betul.

Manakala metodologi dakwah ialah perkara-perkara yang berhubung dengan cara penyampaian Islam dan menghilangkan halangan-halangan penyampaian yang dilalui oleh para pendakwah masa kini. Dakwah hendaklah mengikuti kaedah tertentu, kerana

---

<sup>13</sup> Burhanuddin Abdul Jalal. Jun 1998. *Majalah Dakwah: Cabaran Dakwah Alaf Baru*. Yayasan Darul Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur. Hlm. 24.

<sup>14</sup> Hjh. Noresah Baharom . *Op.Cit.* Hlm. 1030.

kalau tidak ia mungkin tidak membawa apa-apa kesan dan kejayaan dalam menarik perhatian mad'u mengenai Islam.

## 5. Kaedah Dakwah Dan Hubungan Masyarakat

Kaedah dakwah mempunyai bahagian atau kompenen-kompenen tertentu yang terdiri daripada isi, gaya atau persembahan isi kepada mad'u, media atau saluran dan strategi.

### a) Metode pada isi

Isi dakwah yang hendak disampaikan kepada sasaran tertakluk kepada cara tertentu iaitu keadaan( masalah ) dan tahap yang dimiliki oleh sasaran atau mad'u. Dakwah adalah suatu jalan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh mad'u. Justeru itu, para pendakwah perlu mengenal pasti masalah atau keadaan yang dilalui oleh mad'u.

Abdul al-Karim Zaydan, menjelaskan bahawa cara berdakwah yang berkesan itu bermula dengan kepastian penyakit ( masalah ) yang dialami oleh sasaran atau mad'u, kemudian mengetahui apa ubatnya.<sup>15</sup>

Dari keterangan di atas jelas menunjukkan metode dakwah pada isi ini ditentukan oleh keadaan sasaran yang berbeza latar belakang dari golongan dengan golongan yang lain, antara satu tahap dengan tahap yang lain dan antara satu darjah dengan darjah yang lain. Maka, disini pendakwah perlu bersifat terbuka dan bijak dalam menyelami masalah yang dihadapi oleh mad'u yang mempunyai pelbagai perbezaan cara hidup dan cara pemikiran yang mendatangkan berbagai-bagai punca masalah.

### b) Metode pada gaya dan bentuk persembahan

---

<sup>15</sup> 'Abdul al-Karim Zaydan. 1976. *Usul al-Dakwah*. Maktabah al-Manar al-Islamiyah. hlm. 404.

Seterusnya metode pada gaya dan bentuk persembahan iaitu melalui cara atau bentuk isi persembahan yang disampaikan kepada mad'u. Metode pada gaya dan bentuk persembahan terlalu rapat hubungannya dengan *uslub* dakwah dalam pengertian khusus, kerana *uslub* dakwah itu pada asalnya bererti penyampaian kandungan atau isi dakwah dengan ibarat dan bentuk tertentu.<sup>16</sup>

Melalui surah al-Nahl ayat 125, Allah s.w.t telah menerangkan bahawa dakwah itu hendaklah dilaksanakan dengan kaedah berhikmah, nasihat yang baik dan berbincang dengan cara yang betul. Sehubungan dengan itu ramai tokoh-tokoh dakwah telah mentafsirkan Artiya hikmah dalam ayat tersebut.

Pendapat Sayyid Qutub menjelaskan bahawa dengan hikmah yang dinyatakan dalam ayat tersebut ialah dengan melihat kepada situasi Sasaran atau mad'u mereka, sekadar yang perlu untuk tidak membebankan dan tidak menyusahkan mereka sebelum mereka bersedia.<sup>17</sup> Ia juga termasuk dalam cara penjelasan dan penyampaian mengikut keperluan dan tidak mengikut emosi yang terkeluar daripada sifat hikmah tersebut.

Mengikut kedudukan ini, metode pada gaya dan bentuk persembahan boleh dilakukan dengan cara yang berbagai-bagai. Gaya dan bentuk tersebut untuk menarik Sasaran serta bentuk-bentuk penyampaian yang boleh digunakan ialah seperti dengan cara perbahasan, perbandingan, cerita dan berhujah dengan dalil dari alam sekeliling. Antara bentuk penyampaian yang baik adalah dengan lemah lembut, kerana lembut itu biasanya boleh menghakis sifat kekasaran, kesombongan dan ia boleh membuka hati Sasaran untuk

---

<sup>16</sup> Ab.Aziz Mohd Zin. 2005. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Cet.4. hlm. 89.

<sup>17</sup> Sayyid al-Qutb. 1977. *Fi Zilal al-Quran*. Dar al-Shuruq. Beirut. Jil. 26. hlm. 89.

menerima isi penyampaian dengan sepenuh perhatian.<sup>18</sup> Contoh yang boleh diambil ialah seperti dakwah Nabi Musa a.s kepada Firaun yang kufur terhadap Allah S.W.T seperti firman allah SWT dalam surat Taha (20) : 43-44:



Artinya: *Pergilah kamu berdua kepada Firaun, Sesungguhnya ia telah melampaui batas Dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadaNya, Dengan kata-kata Yang lemah-lembut, semoga ia ingat atau takut.*

Melalui ayat tersebut Allah memerintahkan Nabi Musa a.s dan Harun a.s supaya memulakan dakwah terhadap Firaun dengan cara dan bantuan Harun yang lemah lembut. Namun, cara berlemah lembut tidaklah sesuai dengan semua keadaan, kerana ia juga memerlukan ketegasan yang minima. Selain itu, bagi menarik sasaran kepada isi dakwah, satu tarikan awal hendaklah dicari, kerana tarikan awal ini sebagai pembuka tirai kepada sesuatu dakwah dan ia boleh dilakukan dengan pelbagai cara contohnya berjenaka. Tetapi walau bagaimana pun cara ia seharusnya dapat mencapai tujuan yang utama iaitu sasaran mendapat intipati dalam penyampaian maka, barulah hasilnya berkesan.

c) Metode pada medium

Medium dakwah bererti saluran dakwah atau saluran sesuatu isi dakwah untuk disampaikan kepada sasaran. Dalam bahasa Arab disebut *wasīlah* dakwah. Medium dakwah adalah penting dalam sesuatu penyampaian dakwah bagi menarik minat mad'u serta membentuk strategik dakwah yang lebih sistemetic. Selain itu, medium juga sangat sinonim dengan media, kerana media penting dalam pelaksanaan dakwah yang lebih berkesan kepada mad'u.

<sup>18</sup> Ab.Aziz Mohd Zin. *Op. Cit.* hlm. 90.

Media terbahagi kepada tiga kategori iaitu media cetak, elektronik dan massa. Ketiga-tiga media ini berperanan dalam pemahaman sesebuah penyampaian dan juga dapat menarik minat mad'u yang menerima dan juga boleh menentukan keberkesanannya. Da'ie yang bijak adalah kreatif dalam setiap penyampaiannya dengan menggunakan kaedah-kaedah yang moden sebagai para mad'u yang hidup dalam globalisasi seperti sekarang ini.

Contohnya yang boleh dikemukakan di sini untuk menerangkan kenyataan tersebut ialah seperti menyalurkan isi dakwah kepada masyarakat yang buta huruf melalui media cetak. Walaupun isi yang ditulis dalam media tersebut baik dan gaya psembahannya sesuai, namun kerana sasaran tidak tahu membaca, maka keberkesanannya tiada. Justeru itu, jika berlaku sedemikian, bererti pendakwah tidak mencuba mengikut *mānhaj* yang betul dalam penyaluran isi dakwahnya.

Selain itu, metod pada media tidak kurang pentingnya daripada metod-metod yang lain, seperti pada zaman Nabi Muhammad s.a.w., isi dakwah disalurkan melalui beberapa saluran. Dr. Muhyuddin Abdul Halim menyebut bahawa beberapa media yang digunakan pada masa jahiliah digunakan juga oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam menyalukan dan menyampaikan dakwahnya. Media tersebut ialah syair, khutbah, seruan atau laungan dan juga pasar-pasar.<sup>19</sup>

Keempat-empat media tersebut merupakan saluran penting pada zaman jahiliah untuk menyalurkan pemikiran kepada sasaran. Lalu media-media tersebut juga digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyalurkan dakwahnya, di samping saluran-saluran


---

<sup>19</sup> Dr. Muhyuddin 'Abd al-Halim. 1980. *Al-I'lam al-Islami wa Tatbiqatuhu al-'Amaliyah*. Maktabah al-Khanaji. Mesir. Hlm. 148-150.

lain yang baru diperkenalkan. Maka, di sini dapat dilihat betapa Rasulullah berusaha keras untuk menyebarkan seruan Allah s.w.t itu kepada umat-umatnya melalui sumber-sumber asas dalam mengetahui metode-metode dakwah yang sebenar.

Sumber asas untuk mengetahui metode-metode dakwah ialah al-Quran, as-Sunnah dan pengalaman pendakwah berdasarkan keadaan sasaran. Al-Quran dan as-Sunnah telah mengemukakan panduan yang jelas dalam menghadapi sasaran dakwah. Malah sirah Rasulullah s.a.w merupakan bahan yang terbaik dalam metodologi dakwah kerana baginda telah melalui semua keadaan yang dihadapi oleh pendakwah kini dengan pelbagai cabaran dan halangan.

Asas metodologi dakwah menjelaskan di dalam al-Quran. Firman Allah Ta'ala:



Surah An-Nahl 16: 125

Artiyan: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah juga Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia lah juga Yang lebih mengetahui akan orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk.

### 1) Bi Al-Hikmah

Hikmah adalah bijaksana. Dalam istilah, hikmah ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya dalam semua perkara yang berhubung dengan pergerakan dakwah Islamiah. Pendekatan ini penting kepada naluri kemanusiaan dan segala aspek yang berkaitan

dengan tabiat manusia. Oleh itu melalui pendekatan ini, dakwah tidak memaksa kehendak, tidak menentang fitrah dan kecenderungan manusia atau tidak memaksa dalam memahamkan suatu ideologi.

Pendakwah yang berhikmah perlu memiliki sifat-sifat adil, sabar, benar, taqwa, tidak takabur dan lain-lain lagi. Selain itu penyampaian dakwah yang berhikmah juga memerlukan pendakwah yang fleksible dengan menggunakan logik akal, mengetahui sirah nabi-nabi dan para sahabat terdahulu, serta ilmu pengetahuan yang mantap dan peka dengan isu-isu semasa. Bahkan bahan-bahan yang disampaikan perlulah bersesuaian dengan keadaan dan tahap pemikiran sasarannya.

Dalam dakwah bi al-hikmah ini juga soalnya bukanlah siapa yang kuat dan lemah dan yang adil dan benar tetapi dakwah ini bergantung kepada perlaksanaan secara keadilan dan kebenaran itu sendiri melalui ilmu, rasional, fakta dan pengetahuan yang mantap diiringi dengan dalil dan hujah yang kukuh dalam percakapan yang baik dan berhikmah.<sup>20</sup> Namun seluruh umat Islam wajib untuk melakukan amar makruf nahi mungkar dan berperanan mengajak sesama umat Islam untuk terus melakukan amalan kebaikan disertakan niat yang suci dengan mengharapkan makrifat dan hidayah dari Ilahi.

## 2) Al-Mau'izah al-Hasanah


Dakwah juga boleh disampaikan melalui nasihat dan pengajaran yang baik dengan menceritakan peristiwa-peristiwa atau sirah nabi yang mendatangkan ikhtibar dan keinsafan supaya sasaran dapat mematuhi ajaran Allah s.w.t serta menarik minat mereka untuk mendalami Islam.

---

<sup>20</sup> Habib Mansor al-Batawi. 1998. *Majalah Dakwah: Cabaran Dakwah Alaf Baru*. Yayasan Darul Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur. Hlmn. 23.

Pendekatan ini juga dilaksanakan melalui proses penyedaran, menerusi bimbingan, nasihat, teladan yang berdasarkan pengalaman dan pendidikan. Ia adalah proses yang paling optimal kerana sifatnya praktikal secara langsung yang dicontohi oleh orang lain serta diikuti dengan nasihat dan penjelasan menggunakan kaedah teori.

Firman allah ta'ala :



*Artinya : Mereka itulah orang-orang Yang diketahui oleh Allah akan apa Yang ada Dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah Engkau daripada mereka, dan nasihatilah mereka, serta Katakanlah kepada merekakata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka.*

Maka, jelaslah tujuan memberi nasihat yang baik ialah untuk menyampaikan petunjuk dan manfaat kepada sasaran, yang boleh memberi kesan kepada jiwa dan dalam kehidupannya. Namun dalam berdakwah kepada individu, pendakwah perlu melakukannya secara tersembunyi. Andainya berdakwah kepada khalayak ramai, pendakwah seharusnya menasihati mereka daripada melakukan kejahanan agar tidak menjadi satu kejahanan yang berterusan melebihi kebaikan yang dikehendaki.

Menjadi contoh dengan mempraktikan apa yang didakwahnya ialah salah satu unsur nasihat. Nasihat melalui contoh yang baik ialah cara yang terbaik dan membawa kejayaan kepada pendakwah. Cara tersebut dapat membuktikan bahawa dakwahnya bukan hanya kata semata-mata. Al-Quran mengandungi beberapa contoh yang dapat digunakan oleh pendakwah untuk menasihati ke arah kebaikan dengan merujuk kembali

kepada as-sunnah para nabi dan rasul serta sahabat-sahabat terdahulu.<sup>21</sup> Demikian itu, barulah mad'u yang menerimanya lebih jelas dan percaya dengan apa yang diikuti adalah melalui sumber yang benar.

### 3) Mujadalah yang lebih baik

Mujadalah berartinya dialog perdebatan, perbincangan atau pertukaran pendapat. Islam menganjurkan dialog dilakukan bersandarkan pada nilai-nilai moral Islam, realistik dan rasional dengan bermatlamatkan mencari satu kebenaran yang hakiki dan semula jadi.<sup>22</sup>

Berdebat dengan cara yang baik dan sopan juga merupakan salah satu *uslub* (cara) yang penting untuk berdakwah ke jalan Allah s.w.t . Cara ini amat berguna dan penting ketika berhadapan dengan orang yang suka membangkang dan keras hati yang memerlukan dalil-dalil bagi membuktikan bahawa tentangan mereka itu tidak benar, seterusnya akan membuatkan mereka menyukai dan tertarik kepada kebaikan dan kebenaran.

Metode dialog atau perdebatan yang lebih baik ialah menyebut aspek-aspek persamaan antara pihak yang berdialog, kemudian dari situ barulah dibahaskan masalah-masalah perbezaan yang ada sehingga diharapakan dapat menemukan titik kebenaran. Metode ini dilaksanakan oleh para Rasul dalam menyampaikan dakwah mereka. Bahkan Allah s.w.t. menganugerahkan mereka kekuatan dan mukjizat penerangan (bayan), mengutuskan mereka dengan bahasa kaum, memberi mereka kemampuan untuk berdebat

---

<sup>21</sup> Ahmad Mahmud Abu Zaid. 2003. *Pendakwah Masa Kini Sikap & Pendekatan*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur. Cet.2. hlm. 115

<sup>22</sup> Panel Usrah KUIS. *Op. Cit.* Hlm. 74.

agar dapat menangkis hujah pembangkang dan menundukkan orang yang bertanya, sehingga dapat membimbing mereka menerusi metode perbincangan bebas yang berasaskan logik akal.

Maka kesimpulannya, kepelbagaiannya metode yang dianjurkan oleh Islam itu sebenarnya adalah untuk menyelesaikan berbagai-bagai corak manusia yang memiliki tahap keberkesanannya yang berbeza. Pemilihan sesuatu metode perlu dititik beratkan latar belakang dan keperluan sasaran atau mad'u di samping menuntut persediaan yang tersusun dari pendakwah dalam merancang strategi yang lebih berkesan dan rapi.

Sasaran dakwah adalah suatu komponen asas dalam menjalankan seruan dakwah atau berdakwah dan sebagai kelengkapan yang perlu ada dalam penyampaian dakwah, kerana fungsi komunikasi itu sendiri berkait rapat dengan hubungan dua hala samada diantara individu dengan individu yang lain atau sekumpulan individu yang lain supaya dapat menghasilkan pemahaman yang baik. Keadaan ini juga berlaku dalam dua bentuk iaitu lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non-verbal*). Oleh itu, barulah objektif dakwah akan tercapai dengan sempurna.

Setiap manusia merupakan sasaran dakwah. Inin kerana Islam adalah agama yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Firman Allah Ta'ala:

Artinya: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya, Di sini jelaslah, dakwah perlu disasarkan kepada seluruh manusia, tanpa mengira bangsa, jantina, status sosial atau tahap umur dan latar belakang sesebuah masyarakat.*

Justeru itu, menjadi satu tanggungjawab pendakwah untuk mengenalpasti sasarananya. Ia bertujuan untuk mengetahui segala permasalahan dan keperluan masyarakat tersebut bagi mengatur satu strategi dakwah yang paling sesuai bagi mereka.

Dalam konteks yang berbeza, sasaran dakwah di Malaysia boleh dikenal pasti berdasarkan latar belakang sosioekonominya seperti berikut:

- 1) Kumpulan masyarakat awam yang kurang ilmu pengetahuan. Mereka ialah individu beragama Islam yang tidak berusaha mendalami Islam. Hal ini berlaku disebabkan kelalaian dan kelekaan mereka dengan urusan dunia. Tergolong dalam kumpulan ini ialah individu yang baru memeluk islam (mualaf atau saudara baru). Disebabkan mereka baru mengenal Islam, maka mereka sangat kurang berpengalaman (mengenai Islam). Justeru, mereka sangat perlu untuk diberikan bimbingan mengenai ajaran Islam.
- 2) Kumpulan pertengahan yang berpelajaran dan mempunyai kedudukan sosioekonomi yang sederhana dalam strata masyarakat. Kebanyakannya daripada mereka tinggal di kawasan kampung atau di pinggir bandar. Bagi yang tinggal di bandar, mereka terdiri daripada penghuni setinggan, rumah pangsa atau di sesetengah kawasan padat di kawasan bandar.
- 3) Kumpulan masyarakat berpendidikan tinggi dan mempunyai status ekonomi yang tinggi dalam strata masyarakat. Mereka terdiri daripada individu atau golongan profesional yang tinggal di kawasan elit di bandar-bandar besar.
- 4) Golongan pelajar dan belia di institut pengajian tinggi. Kumpulan ini mewakili mahasiswa dan mahasiswi yang menuntut dalam bodang-bidang tertentu di kolej, maktab, institut pengajian tinggi awam maupun swasta. Mereka juga adalah

antara penuntut jurusan sijil, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana atau menuntut ijazah doktor falsafah dan lain-lain lagi.

Kaedah untuk menarik sasaran dakwah terbahagi kepada lima bahagian iaitu:

- a. Mempermudahkan dan kelonggaran yang diberikan

Islam sentiasa meletakkan pilihan dan tiada istilah paksaan dalam beragama.

Tetapi Artiya tiada paksaan dalam agama ini adalah khusus bagi golongan *non muslim* untuk menerima Islam. Mereka boleh menilai dengan melihat keperluan fitrah semulajadi yang ada dalam diri mereka. Manakala Islam sentiasa menggalakkan pendakwah mempermudahkan dan menarik alternatif bagi memberi kelonggaran dalam setiap hal pendakwahan, melalui cara penyampaiannya.

- b. Dakwah bil hal

Setiap perilaku dan amalan harian para pendakwah dan umat Islam hendaklah mencerminkan kesucian Islam yang menjamin kesejahteraan dan ketenteraman sejagat. Setiap tindakan akan dilihat oleh masyarakat. Tingkah laku mestilah berasaskan nilai tauhid, mengikut landasan syariat Islam serta berbentuk ajakan kepada kesempurnaan Islam.

- c. Dakwah melalui pendidikan

Pendidikan Islam sendiri merupakan proses mendidik akal, jasmani, dan rohani manusia berasaskan nilai-nilai fitrah insaniah. Proses pendidikan Islam ini akan membina akhlak dan membawa kepada kehidupan yang sempurna. Dakwah secara ini perlu merujuk kepada cara dakwah Rasulullah s.a.w semasa di peringkat awal Islam yang lebih memberi penekanan kepada psikologi. Rohani dan perasaan.

- d. Dakwah melalui pergaulan

Islam telah menggesa kepada umat Islam umumnya dan para pendakwah khususnya supaya mewujudkan suasana pergaulan yang baik dan menunjukkan jalan yang lurus kepada masyarakat yang belum Islam atau *non-muslim*. Para pendakwah harus mengenali latar belakang masyarakat yang hendak diseru itu terlebih dahulu supaya dapat melicinkan pergaulan dan proses muamalah dengan mereka.

e. Dakwah melalui ziarah

Ziarah merupakan satu usaha mendampingkan diri dengan masyarakat yang digalakkan oleh Islam terutama di waktu-waktu yang diperlukan seperti apabila mereka sakit, bermasalah, perlukan bantuan atau pertolongan dan seumpamanya. Maka, dengan ziarah dapat meringankan beban masalah dan memberi ketenangan yang di hadapi oleh masyarakat.

Kesimpulannya, dakwah yang baik itu ialah suatu dakwah yang dapat menyentuh jiwa masyarakat untuk mendorong mereka memperakui dan menerima Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w dahulu dengan perintah Allah s.w.t kepada umatnya. Justeru itu, ilmu kejiwaan dan kaedah dakwah yang tersusun akan mencapai matlamat dakwah yang diingini.

## 2. Konsep Operasional

Kerangka teoritas diatas masih bersifat abstrak, oleh kerana itu perlu di oprasionalkan bagi memudahkan dalam memahami teori yang telah dipaparkan dalam kerangka teoritis diatas.

Maka sebagai landasan dalam penelitian ini penulis menetapkan indikator-indikator pengaruh terhadap kegiatan dakwah terhadap masyarakat masjid Arau Suda, pulau pinang.

Pada proses penetapan metode dan kaifiah dakwah, biasanya dilakukan dengan cara :

- a. Hikmah atau penjelasan secara filosofis.
- b. Mau'izoh hasanah atau nasihat dan pengarahan-pengarahan yang baik dan terpuji.
- c. Mujadalah *Billati Hiya Ahsan* seperti berdiskusi dengan cara yang terbaik atau menggunakan argument yang lebih unggul.

## **H. Metodologi Penelitian**

### **1. Lokasi Penelitian**

Adapun lokasi penelitian ini dilaksanakan di Masjid Ara Kuda, Pulau Pinang, Malaysia.

### **2. Subjek dan Objek**

Adapun subjek penelitian ini adalah para pengurus dan pengelola masjid Arau Suda dalam menyampaikan dakwah islam. Sedangkan yang menjadi objeknya adalah Masjid Ara Kuda, Pulau Pinang, Malaysia.

### **3. Populasi dan Sampel**

Yang menjadi populasi dalam penelitian ini adalah seluruh pegawai pengurus yang berjumlah 8 orang dan anggota masyarakat yang seramai 2 orang. Populasi dari

pegawai pengurus semuanya dijadikan sampel sedangkan anggota masyarakat diambil sebahagian dari jumlah populasi yaitu sebanyak 10 orang.

#### **4. Sumber Data**

Sumber data itu diperoleh daripada dua sumber yaitu :

##### **a. Data Primer**

Semua data-data adalah yang diperoleh daripada data penelitian serta dokumen-dokumen daripada Masjid Arau Suda sebagai pelaksana aktiviti dakwah terhadap masyarakat.

##### **b. Data Sekunder**

Semua data-data adalah yang diperoleh daripada literature atau buku-buku yang berkaitan dengan penelitian ini.

#### **5. Metode Pengumpulan Data**

##### **a. Observasi**

Yaitu melihat langsung ke lokasi untuk mendapatkan data yang diinginkan. Dengan turun langsung ke lokasi penelitian dengan melihat cara kerja yang dilakukan di Panti Asuhan anak yatim, layanan yang diberikan kepada anak yatim, tingkah laku pegawai dan masalah yang dihadapi oleh Panti asuhan anak yatim.

##### **b. Wawancara**

Bertanya langsung dan bertatap muka dengan responden yang pakar dalam masalah yang diteliti. Penulis dengan secara langsung mengajukan beberapa

pertanyaan kepada responden dengan masalah yang berkaitan. Cara ini digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada informer dalam bentuk lisan.

**c. Dokumentasi**

Mempelajari / menganalisis data-data yang diperolehi daripada Masjid Jamek Arau Suda, Pulau Pinang.

**6. Teknik Analisis Data**

Data yang diperoleh diklasifikasikan menurut permasalahan secara deskriptif kualitatif yaitu dengan cara menggambarkan tentang peranan dakwah yang dilaksanakan oleh tenaga pendakwah serta pengurus Masjid Jamek Ara Kuda, Bukit Mertajam.

**I. Sistematika Penulisan**

Pembahasan dari penulisan ini akan dituangkan dalam lima bab, yang berkaitan antara satu dengan yang lainnya secara logis, organis. Adapun pembahasannya seperti berikut :

Bab I: Adalah pendahuluan. Bab ini akan diawali dengan latar belakang kemudian dilanjutkan dengan alasan memilih judul, batasan masalah, perumusan masalah, penegasan istilah, tinjauan pustaka, tujuan dan kegunaan penelitian, metodologi penelitian dan rencana sistematika penulisan.

Bab II: Gambaran umum lokasi penelitian. Adalah sejarah berdirinya.

Bab III: Penyajian data, adalah menghuraikan tentang kegiatan dan aktivitas dakwah di lingkungan Masjid Jamek Ara Kuda, Pulau Pinang

Bab IV:Analisis Data, adalah analisa terhadap aktivitas-aktivitas, apa sahaja yang dilaksanakan oleh para pegawai, tenaga pengajar dan pengurus serta keberkesanan dakwah tersebut.

Bab V :Adalah penutup. Bab ini memberikan kesimpulan terhadap pembahasan bab-bab sebelumnya, dan saran-saran bagi pembaca; dan yang terakhir penutup.

## **BAB II**

### **TINJAUAN UMUM LOKASI PENELITIAN**

#### **A. Sejarah Berdirinya Jamek Arau Suda Pulau Pinang**

Sejarah awal penubuhan masjid di kawasan penduduk kampung Arau Suda dan sekitarnya adalah sebuah masjid pertama yang didirikan di atas bekas tanah penduduk bangsa Kg Arau yang datang berhijrah dari Sumatera, Indonesia untuk menyebarkan dakwah Islam dan bermastautin di sini.

Mereka mula membina sebuah bangunan masjid yang dinamakan Masjid Kg Arau. Bilangan penduduk tempatan pada ketika itu seramai 50 buah keluarga termasuk yang bukan Islam iaitu berbangsa Siam.<sup>1</sup> Namun, penduduk di situ amat mementingkan silaturahim di antara satu sama lain walaupun berlainan agama. Penduduk *non-muslim* juga sangat menghormati dan melibatkan diri dengan segala aktiviti yang dijalankan oleh masjid tersebut mahupun majlis kenduri-kendara.

Lama kelamaan masjid tersebut menjadi tempat tumpuan masyarakat setempat dan penduduk di daerah berdekatan untuk mengerjakan ibadat serta majlis-majlis ilmu. Lebih kurang selama 25 tahun masjid tersebut berfungsi sebagai tempat beribadah serta sebidang tanah yang disediakan untuk tujuan perkuburan bagi penduduk Islam setempat.

Selepas beberapa tahun kemudian, dengan munculnya abad 21, Masjid Kg Arau ditutup kerana fasiliti yang kurang mencukupi serta strukturnya yang sudah keusangan. Maka, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, Butterworth dibawah kelolaan ( JAIPP ) telah

---

<sup>1</sup> Temuramah bersama Hj. Yusuf Kamal. AJK Masjid Jamek Arau Suda. Kampung Tuan Sidang. Pulau Pinang .

mencadangkan pembinaan masjid baru, memandangkan kepesatan penduduk yang semakin hari semakin bertambah, sekaligus ingin menyelaraskan semua masjid di Pulau Pinang mempunyai struktur yang memenuhi syarat-syarat sesebuah masjid di Malaysia.

Walaupun masjid lama tersebut ditutup, namun ia masih diguna pakai dan berfungsi untuk kemudahan orang ramai. Mengikut perundingan Unit Pentadbiran JAIPP dan ahli jawatankuasa masjid dan kampung, masjid lama tersebut ingin dijadikan sebuah maahad tahfiz bagi penduduk disekelilingnya. Penubuhan itu juga mampu melahirkan generasi-generasi muda yang mempunyai sahsiah dan akhlak yang mensepadukan ilmu (duniawi dan ukhrawi) yang berlandaskan al-quran serta secara tidak langsung membuka mata penduduk *non-muslim* disitu untuk mendekati Islam.

Selain itu juga, kedudukan tapak masjid yang terletak bersebelahan dengan persimpangan jalan kearah Tasek Gelugor dan Penanti itu juga amat diragukan keselamatan penduduk contohnya, apabila tiba hari-hari khusus untuk mengerjakan ibadah sunat, seperti Solat Jumaat, Solat Hari Raya Qurban, Solat Hari Raya Puasa serta kenduri-kendara maka, ia menyukarkan orang ramai untuk bergerak.

Demikian itu juga, banyak berlakunya kemalangan di persimpangan tersebut. Bagi menyelesaikan masalah itu JAIPP bersama ahli jawatankuasa masjid dan kampung merancang untuk membina masjid baru yang lebih strategik tempatnya untuk penduduk Kampung Tuan Sidang, Kampung Arau Suda, Kampung Arau dan yang berdekatan dengannya. Namun, ia masih di dalam perancangan.

Sehubungan dengan itu, atas kerjasama semua pihak yang terlibat, pada tahun 2002 maka terbinalah sebuah masjid yang berdiri megah di tengah-tengah antara perkampungan dengan perkampungan yang lain. Bekas tapak tersebut merupakan ladang

ubi kayu hak milik salah seorang individu dari penduduk Kampung Tuan Sidang. AJK masjid dan kampung membeli tanah tersebut dari beliau dengan menggunakan hasil derma dari penduduk sekeliling dan selebihnya ditampung oleh JAIPP daerah Butterworth.

Masjid tersebut siap dibina lingkungan setahun setengah, lengkap dengan fasiliti dan perkhidmatan yang bersesuaian menepati matlamat utama JAIPP bagi menyelaraskan reka bentuk yang diingini. Masjid tersebut diberi nama Masjid Jamek Arau Suda yang ditubuhkan atas tapak seluas dua ekar dan dirasmikan oleh Y.B. Datuk Sri Abdul Rahman Bin Abas selaku Gabenor Pulau Pinang. Jarak diantara tapak baru dengan masjid asal ialah setengah batu serta mampu menampung seramai 600 jemaah dalam satu masa.

Masjid Jamek Arau Suda dinaik taraf kerana penambahan penduduk yang datang dari bandar dan berpindah ke kampung serta membina rumah baru berhampiran saudara-saudara terdekat mereka dengan harapan dapat menjaga orang tua masing-masing yang kebanyakannya adalah penduduk asal kampung tersebut. Selain itu juga, kemudahan masjid yang mesra pengguna lengkap dengan disediakan tempat letak kereta, padang untuk remaja beriadah dan juga penempatan bagi mangsa-mangsa banjir.

Segala kemudahan yang disediakan itu bukanlah hanya untuk melengkapkan struktur masjid tersebut namun, ia juga adalah untuk menarik pandangan golongan muda bagi mengimarahkan lagi masjid ini seiring dengan harapan ia dapat digunakan sepenuhnya untuk dijadikan pusat perkembangan syiar Islam, dan bukan hanya memandang pada gahnya masjid namun tidak berpenghuni seperti isu-isu yang diperkatakan sekarang. Secara tidak langsung masjid ini menjadi lambang serta kebanggaan penduduk kampung di sekelilingnya.

Selaras dengan itu, pada tahun 2003 beberapa program dan aktiviti kemasyarakatan telah dirancang. Di antaranya ialah melantik pegawai dan ahli AJK pentadbir masjid yang baru namun, senarai AJK akan diperbaharui setiap tahun. Semua pegawai dan AJK memegang jawatan tersebut hanya selama tempoh setahun kerana pada akhir tahun tersebut majlis syura masjid akan membubarkan semua ahli-ahli dan melantik jawankuasa yang baru.

Pengurusan Masjid Jamek Arau Suda ini juga ditadbir oleh lapan kakitangan seperti masjid-masjid yang lain juga. Jawatankuasa yang mentadbir Masjid Jamek Arau Suda ini terdiri daripada beberapa orang pegawai iaitu Imam ( I, II, III, IV ), Bilal ( I dan II ), dan juga Siak ( I dan II ). Selain itu juga barisan AJK pula terdiri daripada Pengerusi, Pen. Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, Jawatankuasa Khas dan Pemeriksa Kira-kira (*audit*).

## 1. Imam

- a. Ketua pegawai syarak di dalam qariah atau kampung
- b. Ketua Amil Zakat
- c. Merupakan Imam sembahyang fardhu Jumaat, sembahyang sunat dua hari raya, sembahyang sunat tarawih di bulan Ramadhan.

Mengetuai majlis-majlis kenduri arwah, tahlil dan seumpamanya

## 2. Bilal

- a. Menjadi juru azan dalam sembahyang fardhu dan solat sunat.
- b. Mengetuai urusan-urusan jenazah.
- c. Merupakan salah seorang Amil Zakat.

- d. Menjadi pembantu dan pengganti kepada Imam apabila ketiadaan imam.

### 3. Siak

- a. Menjaga harta benda dan kebersihan masjid
- b. Menyediakan segala keperluan sebelum beribadah, majlis dan seumpamanya.
- c. Menjadi salah seorang Amil Zakat.

Pelantikan jawatankuasa ini dibuat melalui sistem syura yang mengambil pandangan dan cadangan daripada penduduk kampung seterusnya dibawa ke sidang Majlis Jawatankuasa Masjid untuk dinilai tahap kriteria yang menepati syarat untuk mentadbir masjid yang menjadi medium dakwah Islamiah dari semasa ke semasa.

Maka, jelas bahawa Jawatankuasa Masjid berperanan besar dalam membinbing masyarakat ke arah kebaikan. Namun apa yang berlaku kini, pemilihan Jawatankuasa Masjid telah dijadikan isu politik. Orang-orang berpengaruh atau berkuasa yang campurtangan dalam soal pemilihan jawantankuasa. Fenomena ini telah mencetuskan implikasi yang tidak sihat.<sup>2</sup> Maka, keadaan ini perlu dibaiki dan sebolehnya ditepis oleh mana-mana masjid bagi mengembalikan peranan sebenar masjid yang dinamik dalam membimbang ummah ke arah kecemerlangan.

#### a. Objektif Dan Matlamat Penubuhannya

Objektif dan matlamat sesuatu urusan mahupun program adalah sesuatu perkara yang penting dalam sesebuah organisasi dan pertubuhan. Ini kerana bagi melihat hasil dan keberkesanannya mengikut strategi yang dibuat, maka barulah sesuatu kerja itu dapat

---

<sup>2</sup> *Ibid.* Abdul Ghafar Haji Don & Berhanundin Abdullah. 2002. Pengurusan Masjid Di Dalam Membentuk Masyarakat Bertaqwa. Hlm. 55.

berjalan dengan lancar dan berjaya. Oleh yang demikian, Masjid Jamek Arau Suda juga mempunyai matlamat dan objektif tersendiri dalam merealisasikan fungsi sebuah masjid sebagai pusat dan medium penyebaran dakwah Islamiah di negara ini. Antara objektif dan matlamat penubuhannya ialah seperti berikut:

1. Menjadikan masjid sebagai pusat beribadah dan kegiatan keagamaan, kemasyarakatan serta pusat penyebaran ilmu kepada masyarakat.
2. Meletakkan masjid sebagai medium untuk perkembangan syiar Islam dan menjadi lambang kebanggan penduduk kampung disekitarnya.
3. Membentuk dan mendidik masyarakat kampung untuk beriman kepada Allah dan melahirkan akhlak yang baik bersandarkan Al-Quran dan As-Sunnah.
4. Menanam kecintaan dan rasa kebertanggungjawab masyarakat terhadap masjid melalui konsep *tā'āün*.
5. Usaha meningkatkan silaturahim di antara anggota jemaah masjid dan masyarakat setempat.

b. Perancangan Dan Pembangunan

Setiap perkara yang ingin dilakukan perlulah bermula dengan perancangan dan pembangunan dari semasa ke semasa ataupun menentukan melalui jangka masa pendek dan panjang bagi melicinkan segala aktiviti yang dijalankan dan menampakkan urusan tersebut tersusun rapi dan sistematis.

Masjid Jamek Arau Suda kini telah melalui arus pembangunan seiring dengan dunia globalisasi sekarang. Banyak perancangan dan pembangunan yang telah dilakukan oleh masjid ini berdasarkan jangka pendek dan panjang. Melalui jangka masa pendek, masjid ini telah membaik pulih tembok pagar yang dulunya hanya menggunakan zink

sebagai papan tanda nama. Kerja-kerja pembinaan semula papan tanda tersebut, telah dilakukan secara bergotong-royong di antara penduduk kampung bersama-sama dengan AJK masjid yang terlibat.

Selain itu, pembangunan lain yang dilakukan ialah memperluaskan tempat solat bagi kaum wanita. Sehubungan dengan itu, pertambahan kaum wanita yang hadir ke masjid pada bulan Ramadhan untuk bertarawih dan solat hari raya, maka memerlukan ruang yang lebih besar bagi menampungnya. Demikian itu, pihak jawatankuasa masjid membina tempat solat bagi kaum wanita yang lebih selesa dan sejahtera.

Dari semasa ke semasa struktur binaan masjid ini perlu dipantau pada setiap masa dan ketika kerana ia sentiasa digunakan dan akan mengalami perubahan daripada bentuk asalnya. Seperti Masjid Jamek Arau Suda juga, ia amat mementingkan kemaslahatan jemaah setempat dan juga para musafir. Maka, jawantankuasa masjid membuat satu lagi baik pulih dan pembinaan baru iaitu tempat letak motor. Ini kerana, jemaah kampung yang berdekatan ramai yang menaiki motor untuk ke masjid bagi memudahkan pergerakan mereka.

Masjid Jamek Arau Suda mempunyai perancangan jangkamasa panjang dan pendek. Pihak Jawatankuasa Masjid merancang untuk membina sebuah perpustakaan bersebelahan dengan masjid untuk golongan belia dan remaja. Selain itu juga, Jawatankuasa Masjid merancang untuk mengadakan kem atau kursus kepada remaja dan sehubungan dengan itu, mereka akan diberi pendedahan mengenai fardhu kifayah contohnya cara pengurusan jenazah. Perancangan yang dilakukan oleh pihak masjid ini memfokuskan golongan sasaran. Hal yang demikian kerana, untuk melahirkan belia dan remaja yang beriman, berakhhlak mulia dan juga menjadi tunjang dalam masyarakat.

Secara tidak langsung dakwah yang dijalankan dapat memberi kesan juga kepada golongan dewasa.

## **B. Struktur Organsasi**

### **Pengerusi**

Tn Hj Abd Rahman Sidek

### **Naib Pengerusi**

En Kamal Mustafa

### **Setiausaha**

En Abu Bakar Abdullah

### **Bendahari**

Hj Abd Karim Yahya

### **Ajk Khas**

Ahmad Dahlan

### **Imam 1**

Tn Hj Farid Mansur

### **Imam 2**

Ust Abd Razak Md Noh

### **Imam 3**

Ust Abd Karim Ahmad

### **Bilal 1**

Hj Mustafa Sya'ari

### **Bilal 2**

Abu Bakar Darus

**Siak 1**

Saleh Mohamad

**Siak 2**

Mohd Ali Md Jais

## **BAB III**

### **KEGIATAN DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT MASJID JAMEK ARAU SUDA**

#### **A. Metode Dakwah Yang Digunakan Oleh Masjid Kepada Masyarakat**

Masjid Jamek Arau Suda telah mengambil beberapa pendekatan atau metode di dalam menjalankan proses dakwah Islamiah khususnya. Berbagai bentuk aktiviti dijalankan di masjid ini merangkumi semua bidang umum dan khusus dalam kehidupan seharian manusia termasuklah bidang pendidikan, sosial dan ibadah.

Bagi mendapat hasil yang baik pada setiap aktiviti yang dilakukan penyelarasan strategi yang sempurna adalah penting agar setiap masyarakat dapat menerima dengan baik. Strategi perlaksanaan yang disusun rapi itu perlulah dibuat sebaik mungkin agar ianya dapat meningkatkan lagi kefahaman serta memberikan kesedaran terhadap masyarakat Islam agar mereka dapat menghayati Islam yang sebenar.

#### **B. Ruang Lingkup Dakwah Yang Dilakukan Oleh Masjid Kepada Masyarakat.**

Aktiviti-aktiviti dan kegiatan dakwah yang dijalankan ialah meliputi segenap ruang lingkup kehidupan manusia iaitu pendidikan, ekonomi, sosial dan paling penting ialah ibadah. Program ini dijalankan secara taratur dan sistematik melalui aktiviti harian, mingguan, bulanan dan kegiatan khusus yang diadakan bersempena dengan hari-hari penting dalam Islam seperti Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul dan lain-lain lagi.

##### **1. Bidang Pendidikan**

Pendidikan merupakan asas tingkah laku manusia. Ia bukan merupakan satu keistimewaan bagi golongan-golongan tertentu. Pendidikan merupakan satu proses pembelajaran yang berterusan sepanjang hayat seseorang insan. Ia bermula di dalam kandungan ibu lagi sehingga ke liang lahad. Di sini peranan ibu bapa sangat di perlukan dalam proses pendidikan anak-anak agar mereka menjadi matang dan menjadi generasi Islam yang unggul dan bertaqwa.<sup>1</sup>

Maka, dengan itu atas kesedaran pihak masjid telah mempergiatkan lagi usaha mempelbagaikan program-program keilmuan yang bersesuaian dengan semua lapisan masyarakat.

Di antara aktiviti-aktiviti serta programnya adalah:

a. Mengadakan Kelas-Kelas Agama

Beberapa kelas agama telah dijalankan oleh Masjid Jamek Arau Suda untuk membina sahsiah individu muslim masyarakat kampung di sekelilingnya. Kelas-kelas adalah seperti kelas *talaqqi* Al-quran, membaca Al-quran dan kelas fardhu ain. Sistem perjalanan kelas-kelas tersebut mengikut seperti apa yang dijadualkan.

Kelas talaqqi Al-quran beroperasi pada setiap Sabtu malam Ahad dan Rabu malam Khamis. Masa yang diambil selama satu jam selepas menunaikan solat Isyak. Program ini diselia oleh para AJK masjid. Jemaah pula terdiri daripada golongan dewasa dan warga tua. Bagi kelas membaca Al-quran diadakan pada hari Selasa bermula pada pukul 3.30 petang hingga 5 petang selama 1 jam setengah dan selepas itu semua jemaah

---

<sup>1</sup>Halimah Ali. 1998. *Peranan Masjid Jamek Kampung Bharu, Kuala Lumpur Di Bidang Dakwah Islamiah*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan Kepujian. Fakulti Pengajian Islam. UKM. Bangi. Selangor Darul Ehsan.

diharuskan solat asar berjemaah yang diimamkan oleh ustaz yang mengajar iaitu Ustaz Hassan Bin Hj. Hashim.

Manakala kelas fardhu ain diadakan pada setiap hari Khamis yang disertai oleh kaum muslimat sahaja. Tenaga pengajarnya ialah Ustazah Atikah Binti Lebai Mat. Kewujudan kelas-kelas agama ini membantu menguatkan lagi akidah umat Islam hari ini. Ia adalah sebagai persediaan untuk umat Islam agar tidak mudah terpengaruh dengan gejala sosial yang kian serius ketika ini.

b. Mengadakan Kuliah Agama/Pengajian

Bagi mengukuhkan lagi roh Islam dalam jiwa masyarakat sekarang kuliah-kuliah pengajian setiap hari Jumaat dijalankan mengikut mingguan dengan menggunakan kitab fekah. Masa yang diambil lebih kurang empat puluh lima minit dalam satu masa dan diadakan di antara waktu Maghrib dan Isyak. Manakala setiap Sabtu minggu ke tiga pula menggunakan kitab tafsir. Di dalam pengajian ini para jemaah diberi peluang untuk sesi soal jawab tentang masalah yang dihadapi mengenai tajuk yang disampaikan oleh guru berkenaan.

Tazkirah agama juga dilakukan pada setiap selepas waktu solat fardhu yang mengambil masa hanya 15 minit sebelum memulakan kuliah pengajian bagi hari yang berkenaan. Pada kebiasaannya tazkirah ini menyentuh tentang hal-hal isu semasa dan juga topik yang mampu menarik minat para pendengar jemaah yang sebahagian besarnya terdiri daripada penduduk kampung sekitar dan tidak kurang juga hadirin yang datang dari tempat yang agak jauh dari masjid ini.

Selain itu yang lebih menarik lagi pada bulan puasa, program kuliah selepas Asar iaitu sementara menunggu waktu berbuka juga mendapat sambutan yang meggalakan oleh masyarakat setempat.

c. Mengadakan Ceramah Agama

Ceramah-ceramah ini diadakan bagi menyampaikan mesej dakwah dan tarbiah dengan lebih jelas lagi kepada semua lapisan masyarakat. Cara ini merupakan satu kaedah yang paling mudah kerana mesej yang disampaikan dapat diterima dengan menyeluruh oleh masyarakat. Selain itu risalah Islam turut disampaikan dalam bentuk khutbah, majlis-majlis dialog dan lain-lain.

Pengisian dalam program-program ini termasuklah perkara yang berkaitan dengan masalah akidah, akhlak, syariat, isu-isu semasa sempena hari-hari tertentu seperti hari-hari kebesaran Islam dan sebagainya lagi. Tarikh ceramah tidak ditetapkan tetapi bergantung kepada keperluan semasa.

Pada kebiasaananya pihak masjid mengundang individu-individu yang arif dalam bidang tertentu samada dari dalam qaryah atau luar qaryah. Para jemputan khas itu biasanya adalah penceramah bebas, pemimpin rakyat dan juga ustaz-ustaz dari Jabatan Agama Islam Negeri.

d. Menerbitkan Bahan Ilmiah Bercetak

Penerbitan bahan-bahan bercetak ini tidak di nafikan juga turut memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah Islamiah dan juga proses memperkembangkan minda masyarakat kearah pembentukkan akidah yang sempurna. Justeru itu, pihak masjid telah menerbitkan bahan-bahan bacaan seperti risalah-risalah

agama berkaitan dengan bulan ramadhan, ibadah qurban, kalendar dan sebagainya. Kesemua risalah itu diedarkan kepada umum kebiasaanya pada hari jumaat.

e. Khutbah Jumaat

Satu lagi aspek penting dalam penyebaran dakwah terhadap masyarakat bagi memberi kesedaran yang memberansangkan. Namun, ia perlu diurus oleh yang begitu arif kerana jika khatib yang tidak berpengalaman dalam komunikasi dengan orang ramai atau tidak fasih dengan bahasa-bahasa baru maka, sesebuah khutbah itu di nilai sangat lemah dan tiada daya tarikan kerana khatib tersebut tidak pandai menarik perhatian jemaah yang mendengar malah akan membuatkan jemaah sering tertidur.

Selain itu juga, jiwa seseorang muslim akan terisi dengan ilmu Islam dan mendengar khutbah Jumaat secara tidak langsung dapat menuaikan sembahyang Jumaat. Manakala bagi mereka yang tidak kelapangan untuk mengikuti program-program keagamaan yang diadakan di masjid, maka sekurang-kurangnya dengan mendengar khutbah Jumaat setiap minggu sekali itu diharap dapat menambah ilmu pengetahuan, kesedaran dan membuka minda mereka.

Para AJK dan kakitangan masjid berjaya dalam gaya penyampaian khutbah Jumaat serta dapat menarik minat dan memberi kesan yang mendalam kepada hadirin mendengar dengan menjemput khatib jemputan setiap bulan selain dari AJK masjid. Terdapat sebilangan besar jemaah yang datang adalah dari kalangan penduduk Kampung Ara Kuda, Kampung Tun Sardun dan yang berdekatan dengannya. Namun, yang dapat dilihat keberkesanan khutbah itu ialah masyarakat luar juga turut tidak melepaskan peluang mengikuti kuliah sebelum solat Jumaat itu.

## **2. Bidang Ibadah**

Sememangnya masjid adalah pusat untuk beribadah, akan tetapi ia bukan sahaja tertumpu pada solat fardhu dan sunat malahan aktiviti yang berunsurkan ibadah juga dapat diterapkan oleh AJK dan kakitangan masjid. Sejajar dengan itu, ia adalah suatu amalan yang dituntut oleh agama Islam.

Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak masjid ini menumpukan perhatian kepada program yang dapat membangunkan sahsiah individu muslim supaya lebih universal. Program-program Rakan Masjid dengan tujuan mamastikan masyarakat bersifat holistik<sup>2</sup> sama ada dari segi mental dan fizikal.

Program-program tersebut termasuklah program di bulan Ramadhan, ibadah qurban, sambutan hari kebesaran Islam dan seumpamanya lagi. Namun bagi mereka, seandainya ia dikerjakan dengan bersungguh-sungguh akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat kali ganda banyak.

Sehubungan dengan itu, kedatangan Ramadhan yang amat dinanti-nantikan akan direalisasikan melalui aktiviti-aktiviti yang dapat menyerlahkan keistimewaan bulan Ramadhan. Di antara aktiviti-aktivitinya ialah majlis *iftar*, tadarus al-quran, kuliah selepas Asar dan pelbagai lagi. AJK dan kakitangan masjid menjalankannya seperti berikut:

- a. Majlis *Iftar* / berbuka puasa

Program ini berjalan dengan lancar selama sebulan dan penyertaannya seramai 100 ke 200 orang jemaah sama ada dari masyarakat sekitar dan masyarakat luarnya. Majlis ini dikendalikan oleh pihak tertentu yang terdiri daripada kakitangan masjid yang

---

<sup>2</sup> Sulaiman Ibrahim.*et.al.* *Op. Cit.* hlm. 61.

diarahkan oleh AJK masjid. Hari Selasa, Rabu, Jumaat dan Sabtu adalah di khususkan untuk menyediakan bubur lambuk sebanyak 7 periuk untuk dibungkuskan sebanyak 1000 bungkus dan diedarkan kepada penduduk kampung.

Manakala hari yang selebihnya penduduk kampung diberi jamuan dengan bungkus nasi untuk berbuka serta minuman bagi para jemaah yang menunaikan solat Tarawih yang menggunakan kaedah pusingan memasak bagi setiap buah keluarga. Jumlah yang disediakan mengikut ahli jemaah yang datang berbuka sehingga akhir Tarawih. Imam bagi Tarawih pula dijemput dari pelajar Maahad Tahfiz berdekatan yang berada sekitar 5km dari Masjid Jamek Arau Suda.

b. Mengadakan Tadarus Al-quran

Tadarus Al-quran diadakan bermula dari malam pertama solat fardhu hingga malam ke 25 di bulan Ramadhan yang diakhiri dengan majlis khatam Al-quran. Aktiviti ini diadakan secara berkumpulan. Setiap kumpulan mempunyai bilangan ahli seramai 25 orang di kalangan muslimin dan 15 orang di kalangan muslimat.

c. Kuliah selepas Asar

Aktiviti kuliah selepas Asar ini bermula dari satu Ramadhan hingga 27 Ramadhan. Program ini mengambil masa selama satu setengah jam iaitu dari pukul 5.30 petang hingga 7.00 malam. Pertukaran jadual ini berlaku hanya pada bulan Ramadhan sahaja kerana ia bertujuan untuk memudahkan umat Islam mengerjakan solat Tarawih, dan bila berakhirnya bulan Ramadhan aktiviti-aktiviti yang ditangguhkan buat sementara waktu akan kembali berjalan seperti biasa.

d. Ibadah Qurban

Firman Allah S.W.T dalam Al-quran :

Surah Al-Hajj ( 22):34

Artinya : *Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan Ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaanNya kepada mereka; binatang-binatang ternak Yang disembelih itu kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadanya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad ) kepada orang-orang yang taat.*

Berdasarkan ayat di atas AJK dan kakitangan masjid serta masyarakat kampung bersama-sama mengadakan ibadah qurban yang dituntut oleh agama. Orang ramai yang mengambil bahagian terdiri daripada qariah Kampung Arau Suda dan juga masyarakat luar. Bagi menyempurnakan ibadah ini pihak jawatankuasa Masjid Jamek Arau Suda telah menyerahkan tugas ini kepada satu jawatankuasa khusus melalui jawatankuasa kecil. Jawatankuasa ini akan bersama-sama berganding bahu dengan penduduk kampung yang terlibat. Setiap satu bahagian mereka menetapkan binatang qurban berjumlah lebih kurang RM300 satu bahagian dan harga mengikut pasaran semasa. Setelah itu, daging-daging itu diagihkan kepada orang ramai dan setiap peserta akan mendapat tiga kilo,begitu juga dengan fakir miskin diberi sama rata. Manakala bagi penduduk biasa diberi satu kilo daging bagi setiap keluarga. Melihat kepada semangat perpaduan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh masyarakat kampung ini wajar dicontohi oleh umat Islam masa kini.

### **3. Bidang Sosial**

Ketinggian akhlak bukan sahaja dapat diwujudkan dalam hubungan yang baik sesama manusia malah hendaklah juga wujud dalam konteks hubungan yang erat dengan Allah S.W.T. Dalam hubungan ini keikhlasan adalah paling tinggi nilainya yang menjadi landasan dalam menjalankan tanggungjawab seperti yang diseru oleh Allah S.W.T. Dalam merealisasikan hubungan sosial yang baik dan mantap adalah melalui institusi masjid yang berperanan mewujudkan umat Islam yang bertaqwa dan bertamadun sepetimana yang diwujudkan pada zaman Rasulullah S.A.W.<sup>3</sup>

Sebagaimana yang dijelaskan, Masjid Jamek Arau Suda telah mengadakan pelbagai aktiviti dan program yang berkonsepkan sosial bagi mendekatkan masyarakat dengan masjid amnya dan dengan Allah Taala khususnya. Masjid telah dijadikan sebagai tumpuan bagi umat Islam melaksanakan ibadat kepada Allah S.W.T maka bagi melaksanakannya masjid ini telah menyusun seperti berikut:

a. Mengadakan Gotong Royong

Setiap aktiviti yang memerlukan tenaga sukarela mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Aktiviti-aktiviti dijalankan adalah seperti membuat persediaan untuk berbuka puasa, ibadah korban, membersih kawasan masjid, membuat pengubahsuaian masjid dan lain-lain lagi yang dilakukan secara beramai-ramai.

Mengikut pada pemerhatian penulis, para sukarelawan ini tidak pernah mengharapkan khidmat dan tenaga mereka dibalas sama dengan sesuatu kerana nawaitu mereka hanya kerana Allah S.W.T dan hanya Dia yang dapat membalaunya.

b. Sambutan Hari Kebesaran Islam

---

<sup>3</sup> Halimah Ali. *Op. Cit.* Hlm. 65

Menyambut hari-hari kebesaran Islam ini adalah wajar dilaksanakan dan disambut agar menjadi aktiviti keagamaan yang sihat kepada generasi muda untuk memberikan kesedaran kepada mereka bagi menegakkan Islam serta menunjukkan kebesaran Allah S.W.T

Di antara hari-hari kebesaran yang disambut oleh Masjid Jamek Arau Suda ialah seperti sambutan Maulidur Rasul, Isra' dan Mi'raj, Maal Hijrah, Nifsu Syaaban dan lain-lain lagi. Pihak masjid sentiasa menganjurkan majlis sambutan atau ceramah bagi meraikan ulangtahun hari-hari kebesaran tersebut. Atas kerjasama badan-badan tertentu pengisian ceramah-ceramah bersempena peristiwa-peristiwa tersebut diatas. Pada kebiasaan pihak masjid menjemput penceramah-penceranah dari luar bagi mengisi acara dalam sambutan majlis tersebut.

## **BAB IV**

### **ANALISIS DATA**

Masjid Jamek Arau Suda telah mengambil beberapa pendekatan atau metode di dalam menjalankan proses dakwah Islamiah khususnya. Berbagai bentuk aktiviti dijalankan di masjid ini merangkumi semua bidang umum dan khusus dalam kehidupan seharian manusia termasuklah bidang pendidikan, sosial dan ibadah.

Bagi mendapat hasil yang baik pada setiap aktiviti yang dilakukan penyelarasan strategi yang sempurna adalah penting agar setiap masyarakat dapat menerimanya dengan baik. Strategi perlaksanaan yang disusun rapi itu perlulah dibuat sebaik mungkin agar ianya dapat meningkatkan lagi kefahaman serta memberikan kesedaran terhadap masyarakat Islam agar mereka dapat menghayati Islam yang sebenar.

Justeru, inilah langkah yang amat sesuai yang telah diambil oleh pihak pengurusan masjid sehingga dapat mencapai matlamat dalam menjayakan aktiviti masjid dengan jayanya dengan melibatkan ahli-ahli qaryah dari segenap lapisan masyarakat.

Di samping itu, di antara aktiviti-aktiviti dan kegiatan dakwah yang dijalankan ialah meliputi segenap ruang lingkup kehidupan manusia iaitu pendidikan, ekonomi, sosial dan paling penting ialah ibadah. Program ini dijalankan secara taratur dan sistematik melalui aktiviti harian, mingguan, bulanan dan kegiatan khusus yang diadakan bersempena dengan hari-hari penting dalam Islam seperti Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul dan lain-lain lagi.

Ini adalah kerana budaya yang hendak kita terapkan kedalam masyarakat ialah bagaimana dapat menghayati kehidupan suci murni baginda rasulullah SAW kedalam kehidupan masyarakat hari ini.dimana adanya sikap ambil tahu antara masyarakat atau jiran tetangga dan saling tolong menolong antara sesama masyarakat.

Beberapa kelas agama telah dijalankan oleh Masjid Jamek Arau Suda untuk membina sahsiah individu muslim masyarakat kampung di sekelilingnya. Kelas-kelas adalah seperti kelas *talaqqi* Al-quran, membaca Al-quran dan kelas fardhu ain. Sistem perjalanan kelas-kelas tersebut amat sesuai kerana masanya yang sangat mudah dan tidak terganggu dengan waktu kerja atau apa-apa aktiviti lain.

Manakala kelas fardhu ain diadakan pada setiap hari Khamis yang disertai oleh kaum muslimat juga dapat membantu menguatkan lagi akidah umat Islam hari ini. Ia adalah sebagai persediaan untuk umat Islam agar tidak mudah terpengaruh dengan gejala sosial yang kian serius ketika ini.

Bagi mengukuhkan lagi roh Islam dalam jiwa masyarakat sekarang kuliah-kuliah pengajian setiap hari Jumaat dijalankan mengikut mingguan dengan menggunakan kitab fekah. Masa yang diambil lebih kurang empat puluh lima minit dalam satu masa dan diadakan di antara waktu Maghrib dan Isyak. Manakala setiap Sabtu minggu ke tiga pula menggunakan kitab tafsir. Di dalam pengajian ini para jemaah diberi peluang untuk sesi soal jawab tentang masalah yang dihadapi mengenai tajuk yang disampaikan oleh guru berkenaan.

Tazkirah agama juga dilakukan pada setiap selepas waktu solat fardhu yang mengambil masa hanya 15 minit kebiasaannya tazkirah ini menyentuh tentang hal-hal isu semasa dan juga topik yang mampu menarik minat para pendengar jemaah yang

sebahagian besarnya terdiri daripada penduduk kampung yang dahagakan penjelasan mengenai persoalan-persoalan yang telah timbul dalam masyarakat, negeri atau negara.

Ceramah-ceramah ini diadakan bagi menyampaikan mesej dakwah dan tarbiah dengan lebih jelas lagi kepada semua lapisan masyarakat. Cara ini merupakan satu kaedah yang paling mudah kerana mesej yang disampaikan dapat diterima dengan menyeluruh oleh masyarakat. Selain itu risalah Islam turut disampaikan dalam bentuk khutbah, majlis-majlis dialog dan lain-lain.

Pengisian dalam program-program ini termasuklah perkara yang berkaitan dengan masalah akidah, akhlak, syariat, isu-isu semasa sempena hari-hari tertentu seperti hari-hari kebesaran Islam dan sebagainya lagi. Tarikh ceramah tidak ditetapkan tetapi bergantung kepada keperluan semasa.

Dengan mengundang individu-individu yang arif dalam bidang tertentu samada dari dalam qaryah atau luar qaryah untuk menyampaikan ceramah.

Selain dari itu risalah agama berkaitan dengan isu semasa, bulan ramadhan, ibadah qurban, kalendar dan sebagainya. Kesemua risalah itu diedarkan kepada umum kebiasaanya pada hari jumaat dan penerbitan bahan-bahan bercetak ini tidak di nafikan juga turut memberikan kesan dalam penyebaran dakwah Islamiah dan juga proses memperkembangkan minda masyarakat kearah pembentukkan akidah yang sempurna dan perkara tersebut telah menampakan hasil yang baik melalui tindak-balas yang diberikan oleh ahli jamaah masjid.

Para AJK dan kakitangan masjid berjaya dalam uslub penyampaian dakwah dengan menarik minat dan memberi kesan yang mendalam kepada kalangan penduduk Kampung Arau Suda, dan Kampung yang berdekatan dengannya.

Sememangnya masjid ini adalah dijadikan pusat untuk beribadah, akan tetapi ia bukan sahaja tertumpu pada solat fardhu dan sunat malahan aktiviti yang berunsurkan ibadah juga dapat diterapkan oleh AJK dan kakitangan masjid. Sejajar dengan itu, ia adalah suatu amalan yang dituntut oleh agama Islam.

Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak masjid ini menumpukan perhatian kepada program yang dapat membangunkan sahsiah individu muslim supaya lebih universal. Program-program Rakan Masjid dengan tujuan mamastikan masyarakat bersifat holistik<sup>1</sup> sama ada dari segi mental dan fizikal.

Program-program tersebut termasuklah program di bulan Ramadhan, ibadah qurban, sambutan hari kebesaran Islam dan seumpamanya lagi. Namun bagi mereka, seandainya ia dikerjakan dengan bersungguh-sungguh akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat kali ganda banyaknya.

Program ini berjalan dengan lancar selama sebulan dan penyertaannya seramai 100 ke 200 orang jemaah sama ada dari masyarakat sekitar dan masyarakat luarnya. Majlis ini dikendalikan oleh pihak tertentu yang terdiri daripada kakitangan masjid yang diarahkan oleh AJK masjid. Hari Selasa, Rabu, Jumaat dan Sabtu adalah di khususkan untuk menyediakan bubur lambuk sebanyak 7 periuk untuk dibungkuskan sebanyak 1000 bungkusan dan diedarkan kepada penduduk kampung.

Manakala hari yang selebihnya penduduk kampung diberi jamuan dengan bungkusan nasi untuk berbuka serta minuman bagi para jemaah yang menunaikan solat Tarawih yang menggunakan kaedah pusingan memasak bagi setiap buah keluarga. Jumlah yang disediakan mengikut ahli jemaah yang datang berbuka sehingga akhir

---

<sup>1</sup> Sulaiman Ibrahim.*et.al.* *Op. Cit.* hlm. 61.

Tarawih. Imam bagi Tarawih pula dijemput dari pelajar Maahad Tahfiz berdekatan yang berada sekitar 5km dari Masjid Jamek Arau Suda.

Tadarus Al-quran diadakan bermula dari malam pertama bulan Ramadhan yang diakhiri dengan majlis khatam Al-quran. Aktiviti ini diadakan secara berkumpulan. Setiap kumpulan mempunyai bilangan ahli yang terdiri dari kalangan muslimin dan muslimat ini juga dapat mendidik jiwa sebagai hamba allah yang mengagungkan kalamullah.

Manakala dalam aktiviti ibadah qurban pula Orang ramai yang mengambil bahagian dan bagi menyempurnakan ibadah ini pihak jawatankuasa Masjid Jamek Arau Suda telah menyerahkan tugas ini kepada satu jawatankuasa khusus melalui jawatankuasa kecil. Cara ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat setempat dan hasilnya Setelah itu, daging-daging itu diagihkan kepada orang ramai dan setiap peserta akan mendapat sebahagian kecil dari daing qurban itu,begitu juga dengan fakir miskin diberi sama rata. Manakala bagi penduduk biasa juga diberikan daging bagi setiap keluarga. Melihat kepada semangat perpaduan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh masyarakat kampung ini wajar dicontohi oleh umat Islam masa kini.

Sebagaimana yang dijelaskan, Masjid Jamek Arau Suda telah mengadakan pelbagai aktiviti dan program yang berkonsepkan sosial bagi mendekatkan masyarakat dengan masjid seperti mengadakan gotong royong setiap aktiviti yang memerlukan tenaga sukarela mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Aktiviti-aktiviti dijalankan adalah seperti membuat persediaan untuk berbuka puasa, ibadah korban, membersih kawasan masjid, membuat pengubahsuaian masjid dan lain-lain lagi yang dilakukan secara beramai-ramai.

Mengikut pada pemerhatian penulis, para sukarelawan ini tidak pernah mengharapkan khidmat dan tenaga mereka dibalas sama dengan sesuatu kerana nawaitu mereka hanya kerana Allah S.W.T dan hanya Dia yang dapat membalaunya.

Secara keseluruhannya, peranan Masjid Jamek Arau Suda dalam penyebaran dakwah Islamiah sangat meluas dengan menggunakan metode-metode yang sesuai dan berbeza-beza mengikut masa dan tempat. Malahan ia juga bukan sahaja berfungsi sebagai tempat beribadah bahkan tempat aktiviti dan program kemasyarakatan diadakan yang bertujuan menarik minat masyarakat tidak kira golongan muda atau dewasa mahupun warga tua.

Selain itu juga, setiap aktiviti yang dijalankan di masjid sentiasa mendapat sambutan ramai dan amat menggalakkan. Di samping itu, ia juga bermatlamat untuk mengeratkan silaturahim dan membangunkan ummah. Setiap AJK dan kakitangan masjid juga, memainkan peranan masing-masing dengan baik dan tanpa ada rasa keluhan di hati kerana mereka telah dilatih untuk berfikiran terbuka dan segala apa yang dilakukan hanya menuju redha Allah S.W.T.

Dakwah Islamiah kepada masyarakat Islam adalah suatu perkara yang amat penting untuk dilaksanakan oleh semua anggota umat Islam dalam mengembalikan sahsiah dan cara hidup masyarakat berdasarkan Islam. Oleh kerana tugas membimbang manusia adalah antara Sunnah Rasulullah s.a.w yang paling jelas, menjadi tujuan kepada utusan para Rasul, setiap umat Islam ditaklifkan dengan tanggungjawab membimbang manusia lain melakukan amar makruf dan menegah kemungkaran.

Demikian itu, untuk menggerakkan kebaikan tersebut secara yang menyeluruh, mesej dakwah perlu dipimpin oleh orang-orang yang layak, diprogramkan supaya sampai

kepada sasaran dakwah yang pelbagai, dan dengan mengambil kira juga kesan yang maksima. Usaha ini selaras dengan tujuan dan hasrat untuk mencapai status *Khayral Ummah* dalam sesebuah masyarakat.

Sejarah Islam membuktikan bagaimana Rasulullah s.a.w berjaya menjadikan institusi masjid sebagai pusat kegiatan masyarakat, pusat penyatuan dan pengislahan ummah serta menjadikan masjid sebagai pusat pengembangan ilmu dan penyebaran maklumat, semuanya bermula dari masjid. Masjid telah dijadikan sebagai tempat untuk berkumpul, berbincang dan merancang strategi dan tidak terbatas hanya di bidang dakwah, bahkan perdagangan, perundangan dan pelbagai lagi.

Bermula dari sinilah terpancar cahaya Islam, pancaran ilmu, keharmonian, ihsan dan ketinggian akhlak umat Islam di seluruh pelusuk dunia. Di samping itu Baginda telah menjadikan masjid sebagai pusat ibadat, pusat pemerintahan dan pentadbiran negara, nadi gerakan Islam dan penggerak masa depan ummah. Dari kesedaran inilah Masjid Jamek Arau Suda telah mengambil peranan sebagai institusi masjid yang melaksanakan dakwah Islamiah kepada masyarakatnya dan telah pun dapat melaksanakan dengan jayanya.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **A. KESIMPULAN**

Tuntutan berdakwah ini terpikul di atas bahu setiap individu Muslim berdasarkan kemampuan masing-masing. Namun begitu, umat Islam digalakkan menyertai organisasi dakwah atau jama'ah Islamiah tidak kira melalui badan kerajaan ataupun badan bukan kerajaan. Bahkan melalui institusi yang sedia ada seperti masjid. Masjid adalah satu medium atau saluran yang paling mudah untuk berdakwah malahan ia juga dapat menyebarluaskan dakwah Islamiah itu dengan menyeluruh.

Sehubungan dengan itu, masjid adalah tempat atau pusat perhimpunan untuk yang menyatupadukan umat Islam amnya dan secara tidak langsung penyebaran dakwah berlaku dalam ses sebuah penyampaian yang dilakukan oleh masjid tersebut. Institusi masjid kini bukan sahaja tempat beribadah tetapi ia juga adalah tempat untuk melakukan aktiviti yang berunsurkan dakwah dan Islam.

Keperluan manusia kepada dakwah boleh dianalogikan seperti keperluan manusia kepada air. Di mana ia adalah sesuatu yang amat penting dalam hidup manusia. Kepentingannya melebihi keperluan material kerana dakwah ini satu bekalan untuk umat manusia pada hari kebangkitan kelak. Justeru itulah, ia amat dituntut oleh Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W. Melihat kepada perjuangan dan semangat Rasulullah berusaha membawa perintah Allah yang sangat berat iaitu menyebarluaskan dakwah Islamiah dalam menegakkan syariat Islam.

Hubungan institusi masjid dengan Rasulullah S.A.W amatlah berkait rapat kerana Baginda sendiri bermula penyebaran dakwah melalui masjid iaitu Masjid Nabawi di Madinah. Pada waktu ini, masjid dijadikan tempat untuk bermuzakarah, tempat menyatupadukan masyarakat dan juga sebagai tempat pentadbiran. Di masjid juga Rasulullah S.A.W menjalankan pelbagai aktiviti umum seperti menerima duta-duta asing, memutuskan hubungan, menghantara tentera untuk berjihad dan menghantar rombongan untuk keluar berdakwah.

Selain itu, Rasulullah S.A.W juga menghimpunkan seluruh Muslimin untuk beribadah dan Baginda juga berkhutbah untuk memberi peringatan dan penerangan tentang agama Islam dari aspek akidah, akhlak, tauhid dan juga kehidupan masyarakat. Maka, masjid ini amat berperanan penting sebagai pusat gerakan ilmu dalam kehidupan masyarakat.

Pengurusan masjid juga, tidak boleh dipandang remeh temeh kerana ia melambangkan kekuatan umat Islam. Setiap yang bernama Muslim adalah bertanggungjawab mengimarahkan masjid sekurang-kurangnya mengunjungi untuk beribadat secara berjemaah. Penglibatan semua ahli qaryah amat diperlukan tanpa mengira pandangan politik asalkan mereka sanggup bersatu padu dalam mengimarahkan masjid dan membentuk masyarakat yang *intelektual*.

Suatu perkara yang perlu diingatkan bahawa masjid tidak sepatutnya berfungsi ala *masjid dhîrâr* iaitu masjid yang diimarahkan oleh orang-orang yang cuba menyekat perkembangan Islam kerana alasan politik atau kepentingan diri sendiri. Malahan masjid adalah tempat perlaksanaan hokum dan peraturan yang sepatutnya dihormati. Masjid juga tempat menyatakan kebenaran walaupun kepada pemimpin sendiri sekiranya mereka

menjalankan penyelewengan, kezaliman, atau rasuah kerana mereka telah mengkianati umat dan agama Islam itu sendiri.

Imej dan persepsi masyarakat mampu diubah daripada masjid tempat ibadah khusus kepada yang lebih realistik iaitu tempat ibadah tetapi dalam konteks yang luas seperti sebagai *platform* ilmu, tempat *mūsyāwwārah* dalam pelbagai kegiatan sama ada konsep keagamaan ataupun sosial. Di samping itu, masjid menjadi tempat untuk pembangunan masyarakat setempat dan juga luar melalui ilmu pengetahuan yang diberikan dan disampaikan.

Kehadiran jemaah yang kurang ke masjid tidak dapat dibendung melainkan usaha-usaha gigih para jemaah masjid dalam mengajak masyarakat mengimarahkan masjid dan juga sama-sama berganding bahu bergerak memperkuatkan lagi institusi masjid yang kian lemah dan sepi itu. Tidak kira golongan muda, dewasa dan tua dapat bekerjasama melihat dari situ amalan silaturahim juga dapat dikekalkan.

Justeru itu, kesimpulannya setiap institusi masjid yang ada perlu lebih keterbukaan dalam mencari dan menyelesaikan masalah yang hampir memusnahkan agama Islam sendiri. Melainkan umatnya yang bersedia untuk berjuang walauapakah sekalipun demi Islam khususnya melalui dakwah Islamiah yang kini semakin mundur dan para pendakwah hanya memfokuskan kepada bukan Islam. Bahkan, umat Islam sendiri sudah jauh terpesong dari landasan Al-quran dan As-sunnah. Demikian itu, jadikanlah masjid sebagai saluran dakwah Islamiah yang *fleksible* metodologinya.

## **B. SARAN - SARAN**

Metode dakwah dapat di pelbagaikan oleh institusi masjid, bukan semua aktiviti atau program hanya diadakan di masjid, malah dapat dilakukan luar kawasan masjid

tetapi di bawah kelolaan masjid sendiri. Demikian itu kerana, bukan sahaja dapat mendidik dan membentuk masyarakat qaryah bahkan di luar qaryah.

Penulis mencadangkan pegurusan masjid perlu dipertingkatakan kerana masjid tidak sepatutnya ketinggalan dalam bidang teknologi maklumat dan perkembangan media massa. Pentadbiran masjid perlu menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan teknologi maklumat Islam yang unggul.<sup>1</sup> Di samping itu, akan mendapat tarikan dari golongan muda yang hatinya jauh dengan masjid, maka apabila adanya pembangunan sedemikian mereka semakin dekat dengan masjid. Namun, harus diingatkan niat mereka adalah untuk memperluaskan pengetahuan tentang agama tetapi bukan di salah guna.

Selain itu, beberapa isu penting yang berlaku dalam masyarakat perlu diketengahkan kepada masyarakat untuk memberi pendedahan yang seluas mungkin. Tidak kira melalui aspek sosial, politik dan umum, akan tetapi dari aspek politik perlu ditapis kerana tidak mahu menimbulkan kekacauan dan masalah kepada masjid disebabkan politik adalah isu yang amat sensitif di Malaysia.

Walaupun masjid merupakan tempat suci, namun ia tetap memerlukan bentuk pengurusan melalui keselamatan yang berkesan bagi memastikan kehadiran jemaah adalah memuaskan dan terlindung dari perkara yang tidak diingini. Peraturan dan juga adab di masjid perlu dititik beratkan dan dikuatkuasakan bagi keselesaan semua jemaah yang datang ke masjid. Tidak kira yang bermastatutin atau bermusafir.

Setiap anggota masyarakat atau qaryah diberi tanggungjawab masing-masing dalam menjamin keselamatan kawasan masjid. Setiap petugas atau kakitangan masjid seperti imam, bilal, siak perlu membuat giliran bertugas sebagai pengawas keselamatan

---

<sup>1</sup> Zulkiple Abd. Ghani. *Op.cit.* hlm. 107.

dan disiplin masjid. Malah, anggota qaryah yang kelapangan dan kerelaan hati untuk bertugas juga diperlukan bagi memberi peluang kerana bakti mereka tetap diterima sebagai kebajikan bersama dan mendapat pahala dari Allah S.W.T.

Institusi masjid juga perlu mempelbagaikan program bersama-sama masyarakat seperti program ziarah rumah ke rumah ahli qaryah tidak kira ketika mereka sakit ataupun sihat. Semasa sesi ziarah itu dalam masa yang sama AJK dan kakitangan masjid dapat membuat bancian ke atas penduduk kampung yang kuarng kemampuan seterusnya dapat memberi sedikit bantuan dan dari situ juga mereka dapat melihat sendiri keadaan sesebuah keluarga yang kurang pendidikan agama. Maka, lebih memudahkan para jemaah masjid mencari masalah dan dapat diselesaikan dengan baik dan efektif.

Bagi lebih menarik pendakwaahan berlaku, jawatankuasa masjid dapat perlu bijak menggunakan pendekatan psikologi untuk menarik perhatian semua golongan sasaran. Selain itu, pengisian program perlu sesuai dengan sasaran dan tempat, barulah segala objektif dan matlamat sebenar dakwah Islam tercapai dengan sempurna dan berjaya.

## **DAFTAR PUSTAKA**

- Ahmad Baie Jaafar. *Peranan Masjid Membangunkan Jiwa dan Meruntuhkan Prasangka. Agama dan Falsafah*. 2002. Karangkraf Sdn. Bhd. Oktober.
- Abdul al-Karim Zaydan. *Usul al-Dakwah*. 1976. Maktabah al-Manar al- Islamiyah.
- Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*.2005. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Cet.4.
- Ahmad Mahmud Abu Zaid, *Pendakwah Masa Kini Sikap & Pendekatan*. 2003. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur. Cet.2.
- Burhanuddin Abdul Jalal, *Majalah Dakwah: Cabaran Dakwah Alaf Baru*.Jun 1998. Yayasan Darul Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur.
- Dar al-Shuruq , *Fi Zilal al-Quran*. Sayyid al-Qutb. 1977. Beirut. Jil. 26
- Habib Mansor al-Batawi, *Majalah Dakwah: Cabaran Dakwah Alaf Baru*.1998. Yayasan Darul Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur.
- Halimah Ali, *Peranan Masjid Jamek Kampung Bharu, Kuala Lumpur Di Bidang Dakwah Islamiah*.1998. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan Kepujian. Fakulti Pengajian Islam. UKM. Bangi. Selangor Darul Ehsan
- Imam dan Kepimpinan Dakwah. Dakwah Kepada Masyarakat Muslim Di Malaysia. Jab. Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan. UKM. Cet. Pertama. Hlm. 103. Zulkiple Abd.Ghani. 2002.
- Khairini Abu. *Peranan Masjid Dalam Penyebaran Dakwah Islamiah : Satu Kajian Di Masjid Jamiul Muhsinin Kampung Kundang, Kuala Langat*. 2002/2001. Latihan Ilmiah Diploma Prngajian Islam, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Selangor.
- Muhyuddin ‘Abd al-Halim,*Al-I’lam al-Islami wa Tatbiqatuhu al-‘Amaliyah*,. 1980. Maktabah al-Khanaji. Mesir
- Noresah Baharom, *Kamus Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.. 2007. Ed.4. Cet.2. Kuala Lumpur.
- Panel Usrah, *Siri Usrah Semester 4*. Cet ketiga. Jabatan Pembangunan Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Pengurusan Masjid Di Dalam Membentuk Masyarakat Bertaqwah. Abdul Ghafar Haji Don & Berhanundin Abdullah. 2002.

Sulaiman Ibrahim, Othman Talib dan Anuar Puteh *Dakwah kepada masyarakat Muslim*, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan..2002 Cet.pertama. Bangi. UKM.

Soenarjo S.H, *Al- Quran dan Terjemahan kepada bahasa Indonesia*. Surah Al-Taubah (9)-8. 1971. Yayasan Penyelenggra penterjemahan/pentafsir Al-Quran.Jakarta.

Sulaiman Ibrahim, *Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Fakulti Pengajian Islam. et.al.* 2002.

Yusuf al-Qardawi,*Thaqafah al-Da'iyah*,1978. . Beirut

Yususf Kamis. AJK Masjid Jamek Ara Kuda. Kampung Tun Sardun. Bkt. Mertajam. Pulau Pinang pada 25.12.2009. Jam 3.00 Petang.

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kegiatan>

<http://melayuonline.com/dictionary/?a=a1ruwc9tl3avuxz5bepwrnnx=&l=masyarakat>.